

**KEBERKESANAN PENDIDIKAN AKHLAK  
DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
DI SEREMBAN NEGERI SEMBILAN**

**JAMILAH BINTI MOHD NOOR**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

**KEBERKESANAN PENDIDIKAN AKHLAK  
DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
DI SEREMBAN NEGERI SEMBILAN**

**JAMILAH BINTI MOHD NOOR**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH  
(SECARA PENYELIDIKAN)**

**JABATAN FIQH DAN USUL  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2014**

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: JAMILAH BINTI MOHD NOOR (No.K.P): 620322-08-6298

No. Pendaftaran/Matrik: IGA 050064

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA SYARIAH

Tajuk Tesis : KEBERKESANAN PENDIDIKAN AKHLAK DI SEKOLAH  
MENENGAH KEBANGSAAN DI SEREMBAN  
NEGERI SEMBILAN

Bidang Penyelidikan: HUKUM ISLAM DAN MASYARAKAT

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana Hasil Kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/ penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama :

Jawatan :

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui perkara-perkara yang berikut iaitu (i) pengetahuan para pelajar yang berkaitan dengan akhlak sebagai salah satu mata pelajaran dalam Pendidikan Islam yang diajar di sekolah (ii) Sikap para pelajar terhadap pelajaran akhlak yang telah dipelajari (iii) Amalan akhlak pelajar dalam membentuk peribadi. Kajian ini dijalankan di enam buah sekolah di Daerah Seremban Negeri Sembilan, iaitu tiga buah sekolah bandar dan tiga buah sekolah luar bandar. Jumlah bilangan responden kajian ini ialah seramai 360 orang yang terdiri daripada 165 (45.8%) orang pelajar lelaki dan 195 (54.2%) orang pelajar perempuan. Tumpuan utama kajian adalah pelajar di Tingkatan 1, 2 dan 3. Instrumen utama kajian menggunakan soal selidik di samping kaedah temu bual dan pemerhatian. Instrumen soal selidik mengandungi dua bahagian, Bahagian A : Demografi, bahagian B dan C : mengandungi 62 soalan tentang konstruk Pengetahuan tentang Akhlak, sikap terhadap akhlak dan amalan akhlak pelajar. Kajian mendapati tahap pengetahuan pelajar dalam memahami akhlak adalah tinggi begitu dengan sikap terhadap akhlak, namun agak rendah untuk tahap amalan akhlak di kalangan mereka. Sebagai kesimpulan, kebanyakan murid memahami bidang akhlak yang terdapat di dalam sukan pelajaran KBSM dengan baik. Melalui kajian ini juga pengkaji berjaya menilai keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah menengah rendah di daerah Seremban berdasarkan sukan pelajaran akhlak Pendidikan Islam KBSM. Justeru fenomena keruntuhan akhlak yang berlaku bukanlah disebabkan oleh kelemahan sukan pelajaran akhlak sekolah menengah rendah. Oleh yang demikian kajian lanjut perlu dilakukan untuk melihat faktor-faktor lain yang berkaitan dengan keruntuhan akhlak di kalangan pelajar sekolah menengah rendah.

## **ABSTRACT**

The aim of this research is to study the following aspects: i) Students' ability in understanding the Islamic moral education subject taught in schools ii) Students' attitudes towards the Islamic moral education learnt in schools iii) The students practice in moral values. This study was carried out in three urban schools and three rural schools located in the district of Seremban. The total number of respondents was 360 which was made of 165 (45.8%) male students and 195 (54.2%) female students respectively. The research instruments used for this study were the questionnaires, structured interviews and observation. Research shows that many students have knowledge about the principles of good moral values. This study measured Form 1, 2 and 3 students' level of understanding on Islamic Moral education subject. The students' understanding was measured based on 62 questions which are related to the Islamic Moral education syllabus. Through this study, the researcher will be able to assess the effectiveness of the lower secondary Islamic Moral education syllabus towards the development of good moral values among students and its applications. Major focus in this research is about the knowledge , atitude and practice of Practice Islamic Moral. The applications and its effectiveness can be seen through the analysis of the feedback collected from the research questions. The research finding, conclude that the knowledge and atitude of Islamic Moral among the student are axcellence but the practice of Islamic Moral are decrease from the knowledge and atitude. For the conclusion the extra research is needed to find another factor for the immoral atitude among the student of the lower secondary.

## **PENGHARGAAN**

Saya panjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat saya menyudahkan penulisan disertasi saya ini dan dapat melalui semua cabaran sepanjang pengajian saya dengan ketabahan diri yang diberikanNya. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Profesor Madya Dr Idris Awang dan Profesor Madya Dr Rahimin Affandi Abdul Rahim serta pensyarah-pensyarah di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan di sepanjang pengajian saya di UM.Terima Kasih kepada Akademi Pengajian Islam dan Institut Pengajian Siswazah,UM di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Terima kasih juga kepada pihak sekolah yang terlibat dan membenarkan saya membuat kajian di sekolah tersebut,tidak lupa kepada rakan-rakan yang membantu,buat pelajar-pelajar ,terima kasih di atas kerjasama yang diberikan,buat rakan-rakan sepejuangan terima kasih di atas semangat setiakawan kita.

Akhir sekali,tidak lupa ucapan penghargaan paling istimewa untuk ahli keluarga tercinta iaitu bonda yang disayangi Hajjah Zabedah Bt Mat Jelah di atas doa restu dan suami tercinta Samijan Bin Maritam terima kasih atas sokongan yang diberikan.Buat anak-anak tersayang Mohd Hafizuddin dan Mohd Anwar Arif,terima kasih atas persefahaman dan kasih sayang yang diberikan.Sesungguhnya kehadiran kamu berdua menguatkan semangat emak.

Terima kasih semua,sesungguhnya disertasi ini adalah hasil usaha dan sokongan kita bersama.

## **SENARAI JADUAL**

	Halaman
Jadual 1.1 : Statistik Kes Juvana 2011	6
Jadual 3.1 : Skala Likert	67
Jadual 3.2 : Tahap Mata Skor	68
Jadual 3.3 : Pengkelasan Skor	68
Jadual 3.4 : Pengkelasan Skor	69
Jadual 3.5 : Jadual interpretasi skor min (Nunnally, 1994)	74
Jadual 4.1 : Pencapaian Pendidikan Islam	78
Jadual 4.2 : Tahap Pengetahuan Akhlak Pelajar	79
Jadual 4.3 : Soalan 28 : Adat hanya satu perkara yang menjadi kebiasaan dilakukan dalam kehidupan seharian	80
Jadual 4.4 : Item 14: sebelum membaca Al-Quran, wajib berwuduk terlebih dahulu	80
Jadual 4.5 : Sikap pelajar terhadap akhlak	82
Jadual 4.6 : Soalan : Ilmu fardhu kifayah wajib dituntut oleh sebahagian masyarakat sahaja.	84
Jadual 4.7 : Wajib bersyukur kepada Allah	85
Jadual 4.8 : Amalan akhlak pelajar	86
Jadual 4.9 : Wajib kita beradab antara sesama ahli keluarga.	87
Jadual 4.10 : Dibenarkan berbual-bual tentang hal dunia ketika berada dalam masjid.	88
Jadual 4.11 : Keberkesanan Pendidikan Akhlak	89

## SENARAI SINGKATAN

AAI	Adab dan Akhlak Islam
EPRD	Education Planning and Research Division
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
Hal	Halaman
JPNS	Jabatan Pealajar Negeri Sembilan
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MCKK	Malay College Kuala Kangsar
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PIN	Pelan Intergriti Nasional
s.a.w.	<i>Sallallah ‘alayhi wa salam</i>
SPSS	<i>Statistical Package For the Social Sciences (SPSS)</i>
s.w.t.	<i>Subha nahu wa taala</i>
t.c.	tanpa cetak
t.t.	tanpa tarikh
U.K.M	Universiti Kebangsaan Malaysia
U.M	Universiti Malaya

## **SENARAI LAMPIRAN**

- |            |   |  |
|------------|---|--|
| LAMPIRAN A | : | Surat Pengesahan Tajuk Disertasi                       |
| LAMPIRAN B | : | Surat akuan Menjalankan Penyelidikan                   |
| LAMPIRAN C | : | Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan<br>EPRD       |
| LAMPIRAN D | : | Surat Kebenaran JPNS                                   |
| LAMPIRAN E | : | Borang Soal Selidik                                    |
| LAMPIRAN F | : | Sukatan Pelajaran KBSM                                 |
| LAMPIRAN G | : | Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan 1, 2, 3            |
| LAMPIRAN H | : | Senarai Sekolah Menengah Kebangsaan<br>Daerah Seremban |
| LAMPIRAN I | : | Peta Daerah Seremban dan Negeri Sembilan               |

## TRANSLITERASI

Abjad	Transliterasi	Arab	Transliterasi
ا، ء	a, '(Hamzah)	س	s
ب	b	ش	sh
ت	t	ص	s
ث	th	ض	d
ج	j	ط	t
ح	h	ظ	z
خ	kh	ع	'
د	d	غ	gh
ذ	dh	ف	f
ر	r	ق	q
ز	z	ك	k

Arab	Transliterasi	Arab	Transliterasi
ل	l	و	w
م	m	ه	h
ن	k	ي	y

#### Vokal Panjang

ا :	ā
و :	ū
ى :	ī

#### Vokal Pendek

ا (fathah):	a
و (dammah):	u
ى (kasrah):	i

#### Diftong

او :	aw
اي :	ay
يى :	iy/i
وو :	uww

Transliterasi Huruf Arab ke Rumi adalah Berpandukan Gaya Dewan 1990, Sebuah Panduan Kerja Penerbitan DBP , Kementerian Pendidikan Malaysia, cet. 1, edisi 2, hal : 135 - 136

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>HALAMAN JUDUL</b>	ii
<b>PENGAKUAN KEASLIAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	viii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	ix
<b>TRANSLITERASI</b>	x
<b>ISI KANDUNGAN</b>	xi
<b>BAB I PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	1
1.2.1 Pendidikan Islam Di Sekolah	1
1.2.2 Keruntuhan akhlak	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Skop Kajian	12
1.7 Lokasi Kajian	13
1.8 Definisi Operasi	16
1.9 Kajian Literatur	19
1.10 Kesimpulan	24
<b>BAB II LANDASAN TEORI KEBERKESANAN PENDIDIKAN AKHLAK</b>	
2.1 Pengenalan	28

2.2	Konsep Akhlak Dalam Islam	27
2.2.1	Pengertian Akhlak	28
2.2.2	Ciri-ciri Akhlak Islam	31
2.2.3	Sumber Akhlak Islam	34
2.3	Pendidikan Akhlak	39
2.3.1	Pendidikan Akhlak Mengikut Islam	40
2.3.2	Pendidikan Akhlak Dalam KBSM	48
2.4	Keberkesanan Dalam Pendidikan	56
2.4.1	Pengetahuan	56
2.4.2	Sikap	56
2.4.3	Amalan	57
2.5	Kesimpulan	58
BAB III	METODOLOGI PENYELIDIKAN	59
3.1	Pengenalan	59
3.2	Reka Bentuk Kajian	60
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	63
3.4	Instrumen Kajian	65
3.4.1	Kajian Rintis	69
3.4.2	Keesahan dan Kebolehpercayaan	70
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	71
3.6	Prosedur Analisis Data	73
3.7	Kesimpulan	74
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	76
4.2	Pengetahuan Tentang Akhlak	77
4.3	Sikap Pelajar Terhadap Akhlak	81
4.4	Amalan Akhlak Pelajar	85
4.5	Keberkesanan Pendidikan Akhlak	88
4.6	Kesimpulan	89

<b>BAB V</b>	<b>Perbincangan Dan Penutup</b>	<b>90</b>
5.1	Pengenalan	90
5.2	Ringkasan Kajian	90
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	91
5.4	Implikasi Kajian	93
5.5	5.5.1 Ibu bapa	93
	5.5.2 Guru-guru Pendidikan Islam	96
	5.5.3 Sekolah	98
	5.5.4 Kementerian Pelajaran Malaysia	99
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	100
5.7	Rumusan	102
 <b>BIBLIOGRAFI</b>		 103
	Bahasa Melayu	103
	Bahasa Arab	106
	Bahasa Inggeris	107
	Disertasi, Prosiding, Koleksi Seminar	107
	Ensaiklopedia, Jurnal, Kamus, Surat Khabar	109
	Temubual	110
 <b>LAMPIRAN</b>		 111

## **BAB 1**

### **1.1 PENGENALAN**

Pendidikan Akhlak merupakan salah satu bidang yang penting dalam Pendidikan Islam, sama ada Pendidikan Islam KBSR ataupun KBSM. Ini jelas tercatat di dalam matlamat sukatan pelajaran KBSM Pendidikan Islam. Matlamat tersebut menyebut bahawa Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab dan berakhhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah (KPM 2002). Justeru kajian ini bertujuan untuk meneliti keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah menengah di daerah Seremban bagi memastikan matlamat KBSM Pendidikan Islam itu tercapai.

Bab satu ini akan membincangkan tentang latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, lokasi kajian dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah menengah dari persepektif pelajar.

### **1.2 LATAR BELAKANG MASALAH**

#### **1.2.1 Pendidikan Islam di Sekolah**

Pendidikan merupakan mekanisme yang amat penting dalam perkembangan sesebuah negara. Perkembangan dan kemajuan sesebuah negara bergantung kepada penguasaan bidang ilmu dalam pelbagai bidang. Namun begitu, kefahaman masyarakat dan penerusan sesebuah tamadun tidak cukup setakat kemajuan

pendidikan kebendaan semata-mata. Justeru, dalam menghadapi masa akan datang, kefahaman kerohanian dan kejiwaan amat perlu diterapkan dan ditingkatkan. Nilai-nilai kerohanian dan akhlak yang terhasil melalui sistem pendidikan berupaya membentuk satu identiti diri dan bangsa yang mempunyai kefahaman yang cukup untuk menghadapi segala ancaman baik ancaman dalam diri sendiri dan juga luaran.

Bidang akhlak merupakan salah satu daripada bidang-bidang yang wajib dipelajari dalam Pendidikan Islam. Manakala Pendidikan Islam pula adalah salah satu daripada mata pelajaran teras dalam sistem pendidikan di Malaysia (KPM 2002). Dari segi prestasi, Pendidikan Islam sentiasa berjaya memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan umum di bawah kendalian Kementerian Pelajaran Malaysia. Secara langsung menggambarkan pelajar-pelajar yang telah memperoleh kelulusan dan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan ini semestinya mempunyai nilai intelek dan akhlak yang terpuji.

Pendidikan Islam telah berkembang pada awalnya sejak perkembangan dan penyebaran Islam di Tanah Melayu. Perkembangan berlaku secara tidak formal kerana dilaksanakan di rumah-rumah guru agama, di sekolah-sekolah pondok dan di madrasah-madrasah. Menurut Abdullah Munsyi dalam hikayatnya, bahawa pada peringkat awal kanak-kanak diajar membaca dan menulis dan kemudian apabila kanak-kanak itu sudah boleh membaca dan menulis maka barulah kanak-kanak ini disuruh oleh ibu bapa mereka mengaji *al-Qur'an* pada guru-guru yang berkelayakan dan berkebolehan (Din, 1988)<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup>SobriSalomon dan Haron Din, (1988), *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Al-Rahmaniah, Cetakan Kedua, h. 16 (Rujuk Abdullah Munsyi, (1953) Hikayat Abdullah, Jakarta : Penerbitan Jembatan, t.c., h. 18-46)

Pengajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah bermula hasil daripada jawatankuasa yang telah ditubuhkan pada tahun 1956 dikenali sebagai Penyata Razak. Dalam Penyata Razak ini telah mengemukakan beberapa cadangan khas untuk memperbaiki dasar pelajaran termasuk pelajaran Pendidikan Islam. Berkaitan dengan pelajaran Pendidikan Islam, jawatankuasa tersebut telah mencadangkan “kami cadangkan di dalam barang mana sekolah jika muridnya tidak kurang daripada 15 orang yang beragama Islam, pelajaran agama yang diberi kepada mereka itu hendaklah dengan belanja kerajaan”.

Cadangan ini telah diterima oleh kerajaan berserta cadangan-cadangan yang lain berkaitan dengan Pendidikan Islam iaitu :

1. Dalam sebuah sekolah bantuan kerajaan jika terdapat 15 orang murid atau lebih yang beragama Islam murid-murid itu hendaklah diajar Agama Islam.
2. Pelajaran Agama Islam hendaklah diajar sekurang-kurangnya dua jam seminggu dalam waktu pelajaran umum sekolah.
3. Guru-guru yang mengajar pelajaran Agama Islam mestilah terdiri daripada mereka yang dibenarkan oleh pihak berkenaan negeri.
4. Lembaga Pengurus Sekolah atau Pengelola Sekolah hendaklah membuat persediaan yang sepatutnya bagi mengadakan pelajaran Agama Islam dengan syarat Lembaga Pengurus atau Pengelola dua buah sekolah atau lebih membuat persediaan bersama bagi pengajaran tersebut kepada murid Islam dalam sekolah mereka.

Jawatankuasa ini juga telah mencadangkan supaya diadakan Tulisan Jawi bagi pelajar-pelajar Islam. Apabila semua cadangan jawatankuasa ini dibentangkan

di Parlimen, kerajaan telah bersetuju menerima cadangan-cadangan tersebut dan di maktubkan dalam Seksyen 49, Ordinan Pelajaran 1957.

Setelah tiga tahun ordinan ini dilaksanakan di sekolah kerajaan, ternyata pelajaran Pendidikan Islam telah diiktiraf oleh semua pihak. Pelajaran Pendidikan Islam telah di senaraikan dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dalam kumpulan A (iii) dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dalam kumpulan A (ii).

Walau bagaimanapun, pihak sekolah menghadapi masalah kewangan dalam melaksanakan proses pembelajaran Pendidikan Islam ini. Ini kerana dalam Ordinan Pelajaran tidak dinyatakan sama ada Pelajaran Pendidikan Islam ini dibiayai oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri.

Keadaan ini telah mendorong Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1960 atau lebih dikenali dengan Penyata Rahman Talib untuk mengkaji semula sistem Pendidikan Islam ini. Jawatankuasa ini telah mengesyorkan agar Pelajaran Pendidikan Islam disediakan di semua sekolah bantuan yang mempunyai murid Islam tidak kurang daripada 15 orang. Jawatankuasa ini juga telah mengesyorkan supaya perbelanjaan untuk melaksanakan pengajaran Pelajaran Pendidikan Islam di sekolah dibiayai bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

### **1.2.2 Keruntuhan akhlak**

Salah satu aset berharga dan agen penggerak kemajuan negara pada masa hadapan ialah golongan remaja yang keseluruhannya terdiri daripada para pelajar. Ini menunjukkan bahawa peranan dan sumbangan pelajar sangat diharapkan bagi

memastikan kesinambungan pembangunan yang dinikmati kini. Persoalan akhlak khususnya persoalan keruntuhan akhlak semakin berleluasa dari masa ke semasa (rujuk jadual 1.1). Masyarakat kini telah didedahkan dengan pelbagai masalah keruntuhan akhlak yang tidak sihat seperti mendera, membuang anak, merogol, ponteng sekolah, mengambil dadah, merokok, mencuri, lari dari rumah, gaya hidup *skin head, skin girl, grunge, punk* dan sebagainya (Farihah Hussin, 2006)<sup>2</sup>.

Fenomena kegawatan sosial dalam kalangan pelajar yang semakin berleluasa telah membimbangkan banyak pihak. Hal ini dapat dibuktikan oleh suatu kajian yang dilakukan oleh tokoh akademik universiti bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 1994 berkenaan dengan tingkah laku lepak dalam kalangan remaja menunjukkan remaja secara purata menghabiskan 16.3 jam seminggu membuang masa dengan berkumpul dengan rakan-rakan di tempat awam (Samsudin Abdul Rahim, 1995).<sup>3</sup> Justeru, kajian yang menjurus kepada aspek pembangunan akhlak amat diperlukan.

Namun begitu perkembangan mutakhir yang dilaporkan oleh media massa menunjukkan suasana masyarakat yang semakin resah dan bimbang dengan kejadian jenayah dan salah laku yang semakin kronik. Jenayah seperti bunuh, rogol, samun, merusuh, mencuri dan kesalahan lain semakin meningkat. Kes jenayah yang membabitkan anak muda juga meningkat. Jumlah tangkapan pelajar berumur antara 13 tahun hingga 18 tahun juga turut mencatatkan peningkatan. Statistik menunjukkan, bagi sepanjang tahun 2006, sejumlah 1,836 kes jenayah dilaporkan

---

<sup>2</sup>Farihah Bt. Hussin (2006), *Keruntuhan Akhlak dikalangan Remaja*, Satu kajian di Alor Setar UM. Hal. 32

<sup>3</sup> Prof. Madya Dr. Samsudin Abdul Rahim (Rahim, 1995), *Isu Remaja dan Gejala Sosial : Potensi Peranan Komunikasi Pembangunan*, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Gejala Sosial di Universiti Utara Malaysia pada 1-3 Januari 1995, hal. 124

dengan 3,383 pelajar ditahan. Angka itu meningkat sebanyak 382 kes kepada 2,218 kes yang menyaksikan seramai 3,725 pelajar ditahan pada tahun 2007 (PDRM:2007).

Jadual 1.1 Statistik Kes Juvana 2006 - 2010

<b>Negeri</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>
Johor	851	972	489	617	454
Kedah	899	441	526	311	460
Kelantan	247	189	197	215	229
Melaka	284	293	159	196	162
<b>Negeri Sembilan</b>	<b>308</b>	<b>197</b>	<b>170</b>	<b>181</b>	<b>214</b>
Pahang	25	362	423	431	368
Perak	396	494	381	264	325
Perlis	140	159	125	158	92
Pulau Pinang	439	434	383	334	332
Sabah	0	326	212	113	46
Sarawak	228	335	88	28	89
Selangor	911	1114	736	562	138
Terengganu	509	327	218	242	411
WP Kuala Lumpur	718	1099	1424	192	158
WP Labuan	0	21	34	18	6
<b>Jumlah</b>	<b>5955</b>	<b>6763</b>	<b>5562</b>	<b>3862</b>	<b>3484</b>

sumber: Harian Metro 8 Mei 2011

Dato' Dr. Ismail Ibrahim dalam satu tulisannya menjelaskan bahawa masyarakat Malaysia perlu menitikberatkan dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan atau dengan kata lain membangunkan akhlak remaja khususnya menerusi institusi keluarga, pendidikan sekolah, badan-badan kerajaan dan media massa (Ismail Ibrahim, 1996)<sup>4</sup>

Remaja merupakan pewaris yang akan menjana kehidupan masyarakat pada masa akan datang di samping menjadi aset penting kepada negara. Dalam proses pembangunan mereka akan menghadapi cabaran yang melibatkan mental dan

<sup>4</sup> Dato' Dr. Ismail Ibrahim (1996), *Penyakit Sosial Yang Perlu Diawasi*, Kuala Lumpur, Institut Kefahaman Islam Malaysia, hal.98

fizikal. Faktor inilah yang akan membentuk keperibadian mereka dalam menjalani kehidupan. Pendidikan yang sempurna di samping hubungan kekeluargaan secukupnya amat diperlukan untuk mereka mengharungi cabaran yang ditempuh sepanjang kehidupan mereka.

Isu keruntuhan akhlak amat berleluasa pada masa kini. Nilai-nilai murni yang disanjung oleh masyarakat Melayu secara turun-temurun telah dipandang sepi. Institusi pendidikan secara formal seperti sekolah dan pusat pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam pendidikan anak-anak. Hal ini merupakan kesinambungan tugas dan matlamat keluarga. Mereka bukan sekadar mewarisi dan melengkapkan diri dengan pelbagai keilmuan Islam secara mendalam, bahkan mestilah mempraktikkan secara yang lebih mendalam lagi. Ia akan lebih berkesan lagi kerana memiliki ilmu yang disertakan dengan amal akan membentuk diri bagi mencapai tahap keimanan yang sempurna, warak dan bertakwa.

Perubahan yang pesat dalam pembangunan negara dan kehidupan masyarakat kini merupakan kesan daripada kemajuan sains teknologi. Oleh yang demikian, tidak dapat dinafikan bahawa masalah akhlak pelajar kini merupakan masalah yang kompleks dan memerlukan perhatian serius bagi menanganinya.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Fenomena ini mencerminkan bahawa sebahagian anggota masyarakat kita sedang terbabit secara langsung dalam melahirkan anggota masyarakat yang berwajah akhlak yang buruk. Persoalan faktor penyebab berlakunya masalah keruntuhan

akhlak ini sering bermain dalam kotak fikiran pengkaji. Pelbagai sebab atau faktor dikatakan wujud penyebab utama berlakunya masalah ini seperti pengaruh daripada rakan, ingin mencuba, kurangnya kasih sayang, pengetahuan agama yang lemah, perceraian, terlalu dimanjakan dan sebagainya. Oleh sebab itu, pengkaji amat berminat dengan tajuk ini untuk mengkaji sejauh mana kebenarannya menggunakan metode-metode tertentu.

Tumpuan utama pengkaji ialah remaja yang bersekolah dan tinggal di taman-taman sekitar bandar daerah Seremban. Mereka ini merupakan responden kepada pengkaji bagi menjawab segala persoalan yang sentiasa bermain dalam kotak fikiran pengkaji. Adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk menangani masalah keruntuhan akhlak ini demi menjaga keharmonian masyarakat dan generasi akan datang.

Haji Ismail Ali (1993) menyatakan bahawa mata pelajaran Pendidikan Islam bukan sahaja bertujuan untuk menumpukan sahsiah dan peribadi dewasa semata-mata tetapi mestilah merangkumi semua peringkat umur yang bermula dari peringkat bawahan lagi (Ismail Ali, 1993)<sup>5</sup>. Mata pelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam merupakan salah satu daripada mata pelajaran utama dalam sistem pendidikan di Malaysia di mana merupakan pelajaran wajib bagi pelajar-pelajar Islam. Ditinjau dari segi prestasi di atas kertas, pelajar-pelajar telah memperoleh kelulusan dan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan, namun apa yang berlaku masalah keruntuhan akhlak masih berlaku dan semakin serius. Isu-isu masalah sosial dalam masyarakat yang semakin kronik khususnya keruntuhan akhlak remaja, memberi petanda

---

<sup>5</sup>Haji Ismail Ali, (1993), Pendidikan Islam di Kalangan Orang Dewasa : Dalam Ismail Abdul Rahman, Abdul Aziz @Ahmad Mohamed dan Mohamed Yassin Muda (Pnyt.), Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan, Yayasan Terengganu, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, hal. 82-83

perlunya dilakukan kajian untuk melihat keberkesanannya pendidikan Islam khususnya pendidikan akhlak di sekolah.

Saranan Sarimah et al (2011)<sup>6</sup> kepada guru dan pentadbir sekolah perlu peka terhadap penghayatan akhlak Islam yang berbeza bagi setiap individu pelajar, menunjukkan pendidikan akhlak mengalami kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Saran Sarimah et al (2011) lagi, guru seharusnya memberi perhatian serius untuk memaksimumkan penghayatan akhlak Islam pelajar. Secara jelas saranan ini mengisyaratkan bahawa terdapat masalah dalam sistem pendidikan akhlak.

Tambahan pula Khalim & Wan Zulkifli (2009)<sup>7</sup> dalam kajiannya menyenaraikan bahawa antara faktor berlakunya masalah disiplin ialah pengajaran guru yang membosankan dan ini termasuk pengajaran Pendidikan Islam.

Justeru daripada permasalahan yang timbul ini telah mencetuskan satu idea untuk mengkaji tentang keberkesanannya pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar khususnya kepada pelajar-pelajar menengah rendah di daerah Seremban. Sehubungan itu, beberapa persoalan perlu diteliti dan diuraikan untuk menjawab permasalahan ini. Persoalan tersebut ialah:

1. Apakah tahap pengetahuan akhlak pelajar Sekolah Menengah di Daerah Seremban?

---

<sup>6</sup> Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani (2011). Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Selangor. *GJAT*. December 2011.vol 1 issue 1. hal 71-77

<sup>7</sup> Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan (2009) Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah : Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2) 2009, 1-14

2. Apakah sikap pelajar Sekolah menengah di daerah Seremban terhadap pendidikan akhlak?
3. Bagaimanakah amalan akhlak pelajar sekolah menengah di daerah Seremban?

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Penulis memilih kajian ini adalah bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat lagi perjalanan pengajaran dan pembelajaran pendidikan akhlak dalam pendidikan Islam di sekolah-sekolah di bandar dan sekolah-sekolah di luar bandar. Seterusnya penulis juga akan melihat keberkesanannya pengajaran ini terhadap pelajar-pelajar Islam di sekolah menengah khususnya menengah rendah. Selain dari tujuan umum yang telah dinyatakan terdapat objektif-objektif lain pemilihan penyelidikan ini iaitu :

1. Menganalisis tahap pengetahuan akhlak pelajar sekolah menengah di daerah Seremban.
2. Mengkaji sikap pelajar sekolah menengah di daerah Seremban terhadap pendidikan akhlak.
3. Meneliti amalan akhlak pelajar Islam sekolah menengah di daerah Seremban.

#### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan iaitu;

1. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Jabatan Pendidikan Islam dan Moral akan mendapat gambaran yang jelas terhadap keberkesanannya pendidikan

akhlak yang telah diterima oleh pelajar-pelajar sekolah menengah. Diharap dengan kajian ini pihak tertentu akan dapat merangka satu sistem pendidikan akhlak yang lebih efisyien dan praktikal agar dapat melahirkan pelajar-pelajar Islam yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga cemerlang dalam sahsiah dan peribadi sehingga akhir hayat mereka.

2. Kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada guru-guru agama khususnya tentang kaedah pengajaran yang dilaksanakan dan penerimaan para pelajar dan dengan ini guru-guru dapat mengenal pasti kelemahan dan memperbaik diri atau mengenal pasti kekurangan dan mempertingkatkan kemahiran dalam diri agar pengajaran menjadi lebih menarik dan berkesan.
3. Para pelajar dapat memahami konsep pendidikan akhlak yang sempurna dan yang sebenar sebagaimana yang dituntut dalam Islam. Melalui pendidikan akhlak yang sempurna, para pelajar bukan sahaja dapat mengawal diri daripada perkara yang dilarang malah dapat mencapai kebahagiaan yang menyeluruh meliputi di dunia dan di akhirat.
4. Pihak sekolah juga dapat menyediakan program-program yang membina sahsiah dan peribadi mulia pelajar dari semasa ke semasa khususnya pada hari-hari kebesaran dalam Islam.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Penyelidikan ini pada umumnya adalah untuk mengkaji keberkesanannya pendidikan akhlak di peringkat sekolah menengah rendah sahaja iaitu pelajar-pelajar tingkatan 1, 2 dan 3. Namun tumpuan utama kajian ini ialah pelajar tingkatan 3. Tumpuan ini adalah berdasarkan terdapatnya penilaian akhlak untuk tingkatan 3.

Penyelidikan ini ditumpukan di enam buah sekolah di Seremban mewakili sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Pemilihan sekolah telah ditetapkan oleh pihak Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan. Sekolah-sekolah tersebut adalah seperti berikut, wakil sekolah bandar ialah :

1. NEA 4088 /Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Ampuan Durah Seremban
2. NEA 4093 /Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampangan Seremban
3. NEA 4107 /Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar Seremban

Manakala tiga sekolah mewakili sekolah luar bandar ialah :

1. NEA 4100 /Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang Seremban
2. NEA 4110 /Sekolah Menengah Kebangsaan Panchor Seremban
3. NEA 4098 /Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Shahardin Labu

Bagi mendapat jawapan kepada setiap persoalan, sekumpulan pelajar yang mewakili sekolah masing-masing menjadi responden kepada kajian. Di samping itu, juga penulis akan berhubung dengan guru-guru, pihak pentadbiran, pihak jabatan dan pihak-pihak tertentu yang lain untuk mendapat maklumat-maklumat yang sewajarnya.

## 1.7 LOKASI KAJIAN

Seremban merupakan sebuah daerah di Negeri Sembilan dan merupakan ibu negeri Negeri Sembilan. Seremban merupakan daerah yang keempat terbesar daripada tujuh buah daerah di Negeri Sembilan. Keluasan daerah Seremban ini ialah 14,355.32 hektar (Seremban, 2001)<sup>8</sup> Terdapat tujuh kawasan yang terletak dalam daerah Seremban iaitu Bandar Seremban, Seremban, Ampangan, Rasah, Pantai, Labu dan Rantau (Seremban, 2001)<sup>9</sup>

Menurut bancian yang dilakukan dalam tahun 2000 jumlah penduduk di Seremban ialah 328 200 orang. Jumlah ini hanyalah 38.6 % peratus sahaja daripada keseluruhan penduduk Negeri Sembilan iaitu 849 800 orang ("Laporan Anggaran Penduduk Tahun 2000,")<sup>10</sup> Bilangan ini mengalami pertambahan berbanding pengiraan sebelumnya iaitu 797 900 orang. Kumpulan etnik warganegara di Seremban terdiri daripada Melayu, Cina, India dan lain-lain. Jumlah penduduk di Seremban yang merupakan daerah bagi subjek kajian adalah 439 296 orang,

---

<sup>8</sup> Majlis Perbandaran Seremban, (2001), *Draf Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Seremban (Pengubahans) 1998-2020*, Seremban : Penerbit Majlis Perbandaran Seremban, t.c., h. 3.1-1

<sup>9</sup>*Ibid.*, h. 1.0-6

<sup>10</sup>*Laporan Anggaran Penduduk 2000*, Jabatan Perangkaan Malaysia, h. 6

berbanding keseluruhan penduduk Negeri Sembilan adalah 849 800 orang. Mereka terdiri dari pelbagai bangsa dan kaum. Walau bagaimanapun, bangsa Melayu beragama Islam adalah majoriti berbanding bangsa-bangsa lain.

Pada awalnya, Seremban dikenali sebagai Sungai Ujung yang membawa maksud anak sungai yang kecil yang mengalir dalam dan berbahaya. Penduduk di kawasan Sungai Ujung ini terdiri daripada orang asli yang dikenali dengan gelaran suku biduanda, bersisi dan saka. Mereka ini memperoleh pendapatan melalui hasil pertanian. Perkataan Seremban diambil daripada salah satu permainan yang digemari oleh orang-orang Cina yang menetap di Sungai Ujung pada zaman dahulukala.

Menurut sejarah, Sungai Ujung telah dibuka oleh Sultan yang berasal dari Johor. Selepas itu, barulah Sungai Ujung di datangi oleh orang-orang Melayu daripada Minangkabau secara beramai-ramai. Pemerintah pertama Sungai Ujung bergelar Datuk.

Menurut sejarah lagi, terdapat dua cerita yang telah melahirkan nama Seremban di Seremban i (Abdul Samad Idris, 1968).<sup>11</sup> Kedua-dua cerita ini boleh diterima sehingga ahli sejarah tidak dapat untuk menetapkan salah satu daripada cerita tersebut yang benar dan munasabah.

1. Apabila orang Cina telah ramai datang ke Sungai Ujung, mereka telah tinggal di kawasan Rasah dan Ampangan. Mereka bekerja sebagai pelombong bijih. Orang-orang Cina ini telah mengupah orang-orang Melayu untuk membuat empangan air. Beremban empangan ini selalu roboh kerana air bah. Oleh yang demikian orang-orang Melayu sering

---

<sup>11</sup> Abdul Samad Idris, (1968), *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Kuala Lumpur : Penerbitan Utusan Melayu Berhad, h. 54

sahaja disuruh oleh orang-orang Cina untuk membaiki beremban empangan yang pecah ini. Telah dikatakan atas dasar inilah tempat ini dinamakan Seremban diambil daripada perkataan Beremban.

2. Ekoran daripada orang-orang Cina yang ramai menetap di Sungai Ujung telah wujud satu pasar di hadapan perhentian keretapi. Pasar ini digunakan untuk bertukar-tukar barang dan membeli-belah. Di pasar ini jugalah telah dijadikan tempat bersuka-ria dengan berbagai-bagai jenis permainan judi. “Seremban” ialah satu daripada pelbagai jenis permainan yang digemari ketika itu.

Sebagaimana yang terdapat dalam Kamus Dewan “Seremban” ialah sejenis permainan kanak-kanak yang menggunakan batu-batu kecil. Permainan ini pada dasarnya menggunakan batu-batu kecil tetapi pada zaman dahulu permainan ini telah dijadikan permainan untuk pertaruhan. Mereka yang menang akan memperoleh banyak barang-barang pertaruhan. Implikasi daripada permainan inilah maka kawasan ini telah dinamakan Seremban.

Berdasarkan cerita-cerita yang telah dikemukakan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa perkataan Seremban diambil daripada cerita kedua yang dapat dilihat daripada dua sudut. Sudut yang pertama ialah ejaan perkataan yang sama berbanding dengan perkataan beremban yang berbeza ejaan pada awal perkataan dan sudut yang kedua adalah kerana lumrah orang-orang Cina ketika itu yang suka kepada hiburan selepas penat bekerja melombong bijih dan salah satu hiburannya adalah dengan berjudi.

## **1.8 DEFINISI OPERASI**

### **a. Keberkesanan**

Keberkesanan berasal dari perkataan kesan yang bererti mendatangkan suatu pengaruh kepada pemikiran, sikap, watak seseorang atau sesuatu golongan seperti mengubah sikap, membangkitkan suatu kecenderungan atau perasaan ("Kamus Dewan Edisi 3," 1994)<sup>12</sup>. Dalam *Oxford Advanced Learner's Dictionary* perkataan kesan ditakrifkan sebagai perubahan yang dihasilkan oleh sesuatu sebab (*Oxford Advanced Learners Dictionary, Edisi 4.*, , 1989)<sup>13</sup>. Kedua-dua pengertian tersebut mengaitkan ada keadaan perubahan yang berlaku hasil daripada sesuatu tindakan ke atas pemikiran, sikap dan watak. Keberkesanan dalam kajian ini adalah merujuk kepada keberkesanan pendidikan akhlak ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar daerah Seremban.

### **b. Pendidikan akhlak**

Pendidikan akhlak dalam kajian ini merujuk kepada pendidikan akhlak sebagai sub bidang dalam mata Pelajaran Pendidikan Islam yang berpandukan kurikulum KBSM yang menjurus kepada tingkatan 3. Pengertian akhlak dari sudut bahasa ialah sifat, tabiat. Akhlak berasal daripada kata jamak: *khalaqa* (حَلْقَة) – *khalqan* (خَلْقَان) – *akhlak* (أَخْلَاق) yang bererti sifat, tabiat, perangai, budi

<sup>12</sup> Kamus Dewan, Edisi 3, (1994), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 263-264

<sup>13</sup> Oxford Advanced Learners Dictionary, Edisi 4, (1989), Oxford University Press, hal. 385

pekerti dan adab. Akhlak bererti budi pekerti, tingkah laku, watak atau tabiat (Iskandar, 1996)<sup>14</sup>. Perkataan akhlak berasal daripada bahasa Arab iaitu Jama' kepada perkataan khuluq yang membawa maksud sifat semula jadi, tabiat, perangai, kelakuan, kebiasaan dan peradaban yang baik (Saliba, 1978)<sup>15</sup>. Ibnu Maskawaih mendefinisikan akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorongnya untuk melakukan perbuatan tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan (Maskawayh, 1934)<sup>16</sup>.

Akhhlak merupakan garis pemisah antara manusia dan haiwan. Jika haiwan memadai dengan naluri untuk membimbingnya kepada kehidupan yang teratur maka manusia memerlukan akhlak untuk memandunya kepada kehidupan yang bermakna dan terurus. Akhlak yang dimaksudkan di sini ialah apa yang terkandung dalam Islam.

Menurut Ibnu Athir, akhlak itu ialah gambaran batin, jiwa atau rohani seseorang yang kemudiannya dilahirkan dalam bentuk perbuatan. Oleh sebab itu, seseorang yang hanya berpura-pura berakhhlak baik tidak akan dapat beriltizam dengan sifat-sifat tersebut dan lama kelamaan sifat buruknya akan terzahir juga (Athir, 1963)<sup>17</sup>.

---

<sup>14</sup> Dr. Teuku Iskandar, (1997), Kamus Dewan Edisi Baru, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 15

<sup>15</sup> Jamil Saliba,(1978), al-Mu'jam al-Falsafi, Jilid 1, Mesir, Dar al-Kitab al-Misri, hal. 539

<sup>16</sup> Ibnu Maskawayh, (1934), Tahdhib al-Akhlaq Wa Ta'thir al-Araq, Mesir, al-Maba'ah al-Misriyyah, hal. 40

<sup>17</sup>Ibn al-Athir, (1963), al-Nihayah fi Gharib al-Hadith Wa al-Athar, Juzuk 2, Riyadh, al-Maktabah al-Islamiyyah, hal. 70

Menurut Kamus Am, akhlak bererti budi pekerti, watak dan tabiat (Puteh, 1997)<sup>18</sup>. Menurut Bahasa Inggeris perkataan yang hampir sama dengan akhlak ialah moral iaitu sesuatu yang berkenaan dengan perangai betul dan salah serta perbezaan antara perkara baik dan buruk (Quirk, 1987)<sup>19</sup>. Chambers Dictionary juga memberi makna moral sebagai sesuatu yang berkaitan dengan perangai atau tingkah laku baik maupun buruk (Kirkpatrick, 1983)<sup>20</sup>.

Akhvak menurut Al-Ghazali ialah sifat yang ditanam dalam jiwa, muncul daripadanya perbuatan yang mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran. Jika yang lahir perbuatan baik dan diiktiraf akal serta syarak, maka dipanggil akhlak yang baik begitulah sebaliknya dinamakan akhlak yang buruk (Ghazali, 1967)<sup>21</sup>.

Justeru, pendidikan akhlak yang berkesan adalah perlu untuk pembangunan akhlak. Ia membabitkan usaha-usaha atau kegiatan untuk memajukan, mempertingkatkan, membangunkan atau mengembangkan sikap dan kelakuan melalui proses peralihan untuk menuju ke arah norma amalan yang mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.

---

<sup>18</sup> Dr. Othman Puteh, (1997), Kamus Am, Kuala Lumpur, Crescent News Sdn. Bhd., hal. 15

<sup>19</sup> Quirk, Sir Randolph, (1987), Longman Dictionary of Contemporary English, London, Longman, hal. 677

<sup>20</sup> Kirkpatrick, E.M, (1983), Chambers 20<sup>th</sup> Century Dictionary, Edinburgh, W&R Chambers, Ltd, hal. 820

<sup>21</sup> al-Imam Abi Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali,(1967), Ihya' Ulum al-din, Juzuk 3, Kaherah, Muassasah al-JablaWa al-Syawkah, hal. 68

## **1.9 KAJIAN LITERATUR**

1. Khatijah binti Endut (Endut, 1996), Keberkesanan Nilai-nilai Pendidikan Islam terhadap aktiviti-aktiviti Kokurikulum, satu Kajian kes di Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Kajang, Tesis Sarjana Pendidikan UKM.

Kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan nilai-nilai Pendidikan Islam ke atas aktiviti ko-kurikulum. Dapatan menunjukkan bahawa pengamalan pelajar dalam menjalankan perintah Allah seperti solat dan menutup aurat didapati masih pada tahap yang tidak memuaskan dan rendah. Kajian menunjukkan bahawa 58% daripada pelajar mengaku bahawa mereka tidak menunaikan solat.

2. Roziah binti Hamid (Hamid, 2000), Satu Kajian Tentang Amalan dan Penghayatan Islam dalam Pendidikan Islam KBSM dalam kalangan pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Dol Said, Alor Gajah, Melaka, Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan UKM.

Dalam kajian terhadap amalan dan penghayatan Islam dalam Pendidikan Islam KBSM dalam kalangan 40 pelajar tingkatan 4, didapati bahawa 29 orang pelajar sentiasa menunaikan solat lima waktu manakala 11 orang lagi menyatakan kadang-kadang. Namun timbul persoalan daripada pengkaji secara teorinya pelajar memahami kewajipan solat lima waktu tetapi tidak melaksanakannya secara praktikal.

3. Fathiyah binti Mohd Fakhruddin (Fakhruddin, 2002), Pembentukan Akhlak Remaja Menurut Al-Quran, Kajian Tentang Pendekatannya Terhadap Pelajar Tingkatan 4 di Sekolah Menengah Ampang, Selangor, Bahagian Pengajian Bersama Akademi Pengajian Islam, UM, Kuala Lumpur

Bersandarkan kepada tesis ini masalah akhlak di sekolah melibatkan perkara kecil dan ringan hingga membawa kepada masalah yang serius dan dikategorikan sebagai jenayah. Masalah tersebut berlaku dengan sebab beberapa faktor utama iaitu persekitaran, media massa, latar belakang ibu bapa, rakan, guru, serta memerlukan pendekatan yang berkesan bagi membangunkan akhlak mereka. Pendekatan yang berkesan bagi membangunkan akhlak remaja ialah apa yang disarankan oleh al-Quran meliputi metod teladan, nasihat, latihan, galakan dan metod hukuman sebagai pilihan metod terakhir.

4. Mohd Arip bin Kasmo (Kasmo, 2003), Iktibar dari Sistem Pendidikan Barat Memperkasakan Pendidikan Negara, Pengkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam Antara Tradisi dan Inovasi, Fakulti Pendidikan UKM, Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3.

Dalam kajian yang berkaitan perlaksanaan amalan wajib dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan 1 hingga 5 di sekolah agama berasrama penuh mendapati bahawa pelajar-pelajar yang tidak pernah meninggalkan solat lima waktu ketika berada di rumah bagi tingkatan 1 ialah 47.2%, tingkatan 2 ialah 21.7%, tingkatan 3 ialah 34%, tingkatan 4 ialah 50.8% dan

tingkatan 5 ialah 46%. Ini menunjukkan bahawa tahap perlaksanaan solat fardhu dalam kalangan pelajar adalah pada tahap yang rendah sedangkan pelajar-pelajar tersebut merupakan pelajar sekolah agama berasrama penuh.

5. Jasmin binti Jasman (Jasman, 2003) Amalan Menutup Aurat dalam kalangan Remaja: Kajian di Sekolah-sekolah Menengah di sekitar Zon Gombak

Hasil kajian ini telah mendapati bahawa :

- a. Kebanyakan remaja Islam dalam sampel ini sudah menerima pendedahan awal Pendidikan Islam sebelum melangkah ke alam remaja. Ini menunjukkan ibu bapa dan masyarakat peka terhadap kepentingan Pendidikan Islam pada awal usia.
- b. Kefahaman dan pengetahuan pelajar mengenai aurat
  - i. Pelajar lelaki yang pernah bersekolah agama 100% mengetahui pengertian aurat berbanding dengan pelajar lelaki yang mendapat pendidikan agama di Sekolah Kebangsaan 88.89%.
  - ii. Pelajar perempuan yang pernah bersekolah agama menunjukkan sebilangan kecil tidak memahami maksud aurat 3.12% dan peratusan bagi pelajar perempuan yang tidak mengetahui pengertian aurat dalam Islam yang tidak pernah sekolah agama terus meningkat sebanyak 4.36%.

Dapatkan kajian, perbezaan jantina dan pendidikan menghasilkan perbezaan kefahaman terhadap sampel kajian. Perempuan masih tidak jelas tentang definisi aurat, ini kemungkinan disebabkan mereka mudah terdedah dengan pengaruh fesyen yang menampilkan kecantikan yang merupakan perkara asas yang lumrah tambahan anggota perempuan lebih rumit berbanding lelaki.

Kesimpulannya, tahap pemahaman responden mengenai kewajipan menutup aurat memuaskan. Keraguan mengenainya mungkin terhasil daripada pertentangan budaya setempat dan pengetahuan.

6. Hafidzah binti Mohd Shah (Shah, 2004), Faktor-faktor yang Mempengaruhi pelajar Meninggalkan Solat, Satu Kajian di Daerah Segamat Johor, Fakulti Pendidikan UKM

Berdasarkan kajian ini faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar meninggalkan solat ialah rakan sekolah, persekitaran, diri dan keluarga. Secara keseluruhannya pelajar menyedari akan pentingnya solat tetapi masih belum melakukannya dengan sempurna.

7. Nurhapizah binti Mohd Burhan (Burhan, 2006), Pembangunan Akhlak Pelajar Islam di Triang, Pahang, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, UM

Hasil dapatan kajian akhlak pelajar-pelajar Islam di Mukim, Triang berada pada tahap kurang memuaskan. Punca masalah akhlak disebabkan oleh faktor keluarga, guru, rakan-rakan, diri sendiri, suasana persekitaran dan media. Pelbagai program membangunkan akhlak pelajar yang semakin merosot telah disusun oleh pelbagai pihak yang terdiri daripada ibu bapa, guru, ahli jawatan kuasa masjid, ahli jawatan kuasa kampung dan badan-badan kerajaan namun sambutannya kurang menggalakkan kerana pelajar mempunyai tanggapan jemu terhadap program-program yang dijalankan.

Isu pengabaian akhlak perlu dilihat sebagai isu nasional dan perlu ditangani oleh semua pihak kerana membabitkan remaja Melayu Islam yang merupakan barisan pelapis negara ke arah menjadikan negara Malaysia sebagai orang Islam yang disegani di pentas antarabangsa. Kajian tentang remaja telah menarik minat ramai sarjana dan pengkaji. Namun kebanyakkan kajian lebih tertumpu kepada masalah remaja dan gejala sosial. Fenomena ini mendorong penulis untuk membuat kajian tentang akhlak dalam kalangan pelajar bagi mengetahui sejauh mana keberkesanan dan penghayatan pelajar terhadap pembelajaran akhlak dalam membentuk tingkah laku dan amalan sehari-hari mereka.

Pelajar dapat mencapai keputusan lulus dalam pelajaran akhlak tetapi gagal menghayati pendidikan akhlak sepenuhnya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Pendidikan akhlak di peringkat sekolah bukan bertujuan untuk mendapat keputusan yang lulus yang dicatatkan semata-mata tetapi mempunyai tujuan murni ke arah membentuk pelajar menghayatinya dalam amalan kehidupan sehari-hari.

Kegagalan menghayati nilai hidup merupakan satu masalah penting. Ia perlu diselesaikan segera supaya generasi Islam yang lahir seterusnya menjadi generasi yang mempunyai nilai peribadi yang baik dan berpegang kepada asas agama yang kukuh dalam menghadapi cabaran zaman yang semakin mencabar ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Sekiranya masalah ini dibiarkan akan menimbulkan banyak masalah kepada semua peringkat sama ada individu, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara dari semua aspek.

Kesimpulannya, Penulis berpandangan keperluan kepada penghayatan yang betul tidak boleh dipandang ringan jika ingin mewujudkan sistem persekolahan yang ideal. Kepentingan keberkesanan pendidikan akhlak dan penghayatan pelajar atas ilmu yang dipelajari khusus tentang pendidikan akhlak di sekolah menentukan kejayaan objektif dan kurikulum yang dibentuk. Melihat keadaan ini timbulah minat penulis untuk mengkaji tentang keberkesanan pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar-pelajar menengah rendah di sekitar bandar dan luar bandar Seremban Negeri Sembilan.

## **1.10 KESIMPULAN**

Kajian tentang keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah menengah perlu dilakukan kerana pembentukan akhlak mulia adalah matlamat utama dalam syariat Islam. Pengutusan Rasulullah SAW sendiri ditegas oleh Allah SWT di dalam al-Quran adalah untuk menyempurnakan akhlak. Justeru kajian ini wajar dilaksanakan

untuk memastikan pendidikan akhlak diterima dengan baik serta difahami dan diamalkan oleh seluruh pelajar Islam di Malaysia.

## BAB II

### LANDASAN TEORI KEBERKESANAN PENDIDIKAN AKHLAK

#### 2.1 PENGENALAN

Rasulullah s.a.w. menegaskan di dalam sunnahnya bahawa manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah, ibu bapanya yang akan mencorakkannya. Di sini jelas bahawa tingkah laku atau akhlak adalah dijana oleh manusia itu sendiri sehingga menjadi sebahagian dari dirinya. Islam amat mementingkan akhlak mulia kerana ia membezakan antara insan dan haiwan dari segi tindak-tanduk dan tanggungjawab dalam kehidupan sehari-hari. Akhlak sebagai satu ukuran nilai untuk dijadikan neraca dan panduan dalam hidup ini. Akhlak sebagai lambang keperibadian seseorang khususnya keperibadian seseorang Islam. Seorang raja penyair Arab Ahmad Syauqi dalam sebuah syairnya telah bermadah:

إِنَّمَا الْأُمَّةُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيتُ  
فَإِنْ هُمْ وَذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا

*“Keunggulan bangsa kerana akhlaknya, runtuh akhlak runtuhanlah mereka.”*

Justeru Bab II ini akan membincangkan tentang konsep akhlak dalam Islam, kaifiat membentuk akhlak mulia yang dianjurkan oleh Islam, dan kedudukan akhlak dalam kurikulum KBSM.

## 2.2 KONSEP AKHLAK DALAM ISLAM

Allah jadikan manusia sebaik-baik kejadian kerana dikurniakan akal dan petunjuk (wahyu). Manusia tidak boleh mengatur kehidupan berdasarkan akal semata-mata kerana akal mudah dipengaruhi oleh hawa nafsu yang menjadikan manusia menjadi liar dan tidak berakhhlak. Oleh itu, diutuskan rasul untuk membawa pengajaran agama bagi membentuk kehidupan manusia supaya berakhhlak mulia sebagaimana firman Allah surah al-Ahzab: 21

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوُ اللَّهَ وَالْيَوْمَ أَلَا خَرَوْذَكَ اللَّهَ كَثِيرًا

21. Sesungguhnya Telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Selain al-Quran, hadis nabi juga ada menyebut tentang akhlak sebagaimana sabda Rasul s.a.w:

إِنّمَا بعثت لِأَنَّمَا مَكَارِمُ الْأَخْلَاقِ  
“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”

Aisyah r.a pernah ditanya tentang akhlak Rasulullah beliau menjawab:

كَانَ خَلْقَهُ الْقُرْءَانَ  
“sesungguhnya akhlak Rasulullah itu adalah al-Quran”

Kesimpulannya, Islam mempunyai dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi pegangan ummah sebagai sumber akhlak.

## **2.2.1 Pengertian Akhlak**

### **a. Mengikut Bahasa**

Perkataan akhlak ialah perkataan Arab yang boleh diertikan dari segi bahasanya kepada beberapa pengertian iaitu budi pekerti, budi bahasa, adab sopan, tingkah laku, moral dan sebagainya. Pengertian akhlak dari sudut bahasa ialah sifat, tabiat. Akhlak berasal dari kata jamak: *khalaqa* (خلاق) – *khalqan* (خلقا) – *akhlak* (أُخْلَاق) yang bererti sifat, tabiat, perangai, budi pekerti dan adab.

Menurut Kamus Dewan (2002) perkataan akhlak bererti budi pekerti, kelakuan atau tabiat. Dari segi istilah pula, akhlak bermaksud sifat-sifat yang lahir daripada seseorang dengan cara spontan tanpa dibuat-buat sama ada baik atau buruk. Para ilmuan akhlak pula berpendapat bahawa akhlak merupakan sifat semula jadi yang tidak mudah diubah-ubah melainkan dengan didikan dan latihan yang berterusan (Mahmud Rashid, t.t)<sup>22</sup>

Yaljan (Miqdad., 1973)<sup>23</sup> menyatakan bahawa perkataan akhlak boleh ditakrifkan melalui sudut bahasa, falsafah dan Islam. Menurut bahasa perkataan akhlak adalah dari perkataan al-khalq yang di dalam atas kesusastraan Arab bermaksud takdir (kuasa) dan hikmah (kebijaksanaan). Perkataan ini digunakan secara kiasan dalam Al-Quran dengan maksud mengadakan sesuatu dengan kekuasaan dan kebijaksanaan. Menurut kamus Bahasa Arab yang bertajuk al-Mukhith perkataan khuluq bermaksud perangai, tabiat, maruah dan agama dan dalam

---

<sup>22</sup> Mahmud Rashid, MohdSalleh Bin Haji Ashaari, TuminganMarlan (t.t), *Dasar-dasar Pendidikan Islam*, Perusahaan Off Set Bumi Kita, Kuala Lumpur, hal 35

<sup>23</sup>YaljanMiqdad (1973), *Al-Ittijah al-Akhlaqiah Fi al-Islam*, DirasatMuharannah, Edisi 1, Mesir: Maktab al-Khinaji, hal.42

pertuturan Bahasa Arab perkataan khuluq ialah tabiat dan jama'nya ialah akhlak. Berdasarkan takrif yang telah dinyatakan oleh Yaljan, beliau merumuskan bahawa perkataan akhlak mempunyai tiga makna yang jelas iaitu :

1. Khuluq menunjukkan sifat semula jadi dalam kejadian fitrah manusia.
2. Akhlak juga menunjukkan sifat yang diperoleh seolah-olah dijadikan bersama-sama tabiat.
3. Akhlak mempunyai dua bahagian iaitu rohani dan tingkah laku.

### **b. Mengikut Istilah**

Menurut istilah : kumpulan sifat yang dimiliki oleh seseorang yang melaluinya akan lahir perbuatan baik atau buruk. Akhlak menurut Imam al-Ghazali ialah sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang. Darinya terbentuknya perbuatan dengan mudah, dengan tidak berkehendakan pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Menurut Ibnu Miskawayh akhlak bermaksud keadaan jiwa yang menggerakkan seseorang untuk melakukan perbuatan tanpa pertimbangan fikiran terlebih dahulu.

Perkataan akhlak sering dikaitkan dengan moral dan etika. Sekiranya kita mengkaji istilah-istilah berikut, terdapat beberapa perbezaan bagi menghuraikan pengertian dan konsepnya. Menurut Abu Bakar Jabir al-Jazairi akhlak merupakan satu perkara yang bersemi dalam diri seseorang yang menyebabkan lahirnya perbuatan dan tindakan yang timbul dari kemahuan sendiri sama ada baik maupun jahat.

Berdasarkan definisi tersebut, akhlak mempunyai makna yang sinonim dengan tabiat. Apabila dikaitkan perkataan akhlak dengan kalimah Islam,

lingkungannya mancakupi segala hubungan manusawi hingga hubungan manusia dengan makhluk hidup yang lain.

Takrif akhlak daripada sudut falsafah mengandungi pelbagai kecenderungan.

Secara umumnya akhlak atau moral daripada pandangan falsafah bermaksud :

1. Gabungan pemikiran-pemikiran, peraturan-peraturan, adat-adat yang berkaitan dengan hak-hak manusia dan kewajipan antara satu dengan yang lain yang diiktiraf oleh ahli masyarakat secara umum.
2. Akhlak juga merupakan ilmu yang mengkaji sifat-sifat seperti ilmu tingkah laku yang dinamakan sifat-sifat tabiat.

Yaljan juga memberikan definisi akhlak melalui sudut Islam. Akhlak dari sudut Islam membawa maksud permulaan dan kaedah-kaedah peraturan tingkah laku manusia yang digariskan oleh wahyu Allah untuk manusia mengatur kehidupan agar mereka dapat merealisasikan tujuan hidupnya di dunia. Akhlak menurut pandangan Islam mempunyai dua ciri yang jelas iaitu :

1. Ciri-ciri Ilahi yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. agar manusia mematuhi dalam kehidupan mereka di dunia dengan jiwa dan hati yang mulia. Dalam hubungan ini, Allah s.w.t. menurunkan peraturan yang patut diikuti oleh manusia melalui wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. Manusia dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan ini dengan hati, jiwa dan perbuatan-perbuatan mereka.
2. Ciri-ciri manusawi yang merupakan peraturan-peraturan umum dalam beberapa perkara yang tidak digariskan secara jelas tetapi mempunyai

beberapa ciri umum seperti peraturan berpolitik, sebagai contoh bagaimana seorang hakim harus mentadbirkan Negara (Miqdad., 1973)<sup>24</sup>.

Imam Al-Ghazali bersandarkan kepada sebuah hadis nabi mentakrifkan akhlak sebagai ilmu untuk menuju jalan ke akhirat yang dapat disebut sebagai ilmu sifat hati dan ilmu rahsia hubungan keagamaan yang kemudian menjadi pedoman untuk akhlak orang-orang yang baik (Bahreisy, 1981)<sup>25</sup>.

Perkataan akhlak mempunyai perbezaan dengan perkataan moral yang biasa digunakan oleh orang-orang yang bukan beragama Islam. Perkataan akhlak dalam Islam mempunyai sandaran agama sedangkan perkataan moral tidak bersandarkan agama. Moral yang berasal daripada perkataan Latin iaitu *Mores* bermaksud sebagai tingkah laku yang biasanya diterima oleh sesbuah masyarakat atau kumpulan kecil dalam satu masyarakat (J., 1969)<sup>26</sup>.

### **2.2.2 Ciri-ciri Akhlak Islam**

Agama Islam yang sempurna mempunyai ciri-ciri akhlak yang telah digariskan oleh Allah SWT. Ia adalah suatu yang tetap dan tidak berubah mengikut masa dan suasana serta tempat. Ciri-ciri tersebut ialah bersifat mutlak dan menyeluruh. Akhlak Islamiah bersifat mutlak, tidak boleh dipinda atau diubah suai, dikenakan kepada seluruh individu tanpa mengira keuntungan, warna kulit, pangkat, tempat dan masa.

---

<sup>24</sup>Yaljan (*Ibid*) – 1986.

<sup>25</sup>Hussein Bahreisy, 1981, *Ajaran-ajaran Akhlak Imam Al-Ghazali*.

<sup>26</sup>Bull. N.J, 1969, *Moral Education*, Exeter Rout ledge &Kegan Paul.

Ciri akhlak Islam yang kedua ialah melengkapi dan kesempurnaan tuntutan. Hal ini apabila ditinjau daripada sudut kejadian manusia yang dibekalkan dengan berbagai naluri, akhlak Islamiah adalah merangkumi semua aspek kemanusiaan rohaniah, jasmaniah dan akliyah sesuai dengan semua tuntutan naluri dalam usaha mengawal sifat-sifat tercela untuk kesempurnaan insan, bukan menyekat kebebasan peribadi seseorang.

Bersifat sederhana dan seimbang adalah ciri akhlak Islam yang ketiga. Tuntutan akhlak dalam Islam bersifat sederhana, tidak membebankan sehingga menjadi pasif dan tidak pula membiarkan bebas sehingga menimbulkan bahaya dan kerosakan. Akhlak Islam juga mencakupi suruhan dan larangan. Bagi kebaikan manusia, pelaksanaan akhlak Islamiah meliputi suruhan dan larangan dengan tidak boleh mengutamakan atau mengabaikan mana-mana aspek tersebut.

Akhlik Islam juga mempunyai ciri bersih dalam pelaksanaan. Hal ini adalah untuk mencapai kebaikan, akhlak Islamiah memerintah supaya cara dan metod perlaksanaan sesuatu tingkah laku, perbuatan dan tindakan itu hendaklah dengan cara yang baik dan saluran yang benar yang telah ditetapkan oleh nilai akhlak Islamiah. Ertinya untuk mencapai sesuatu matlamat, cara pelaksanaannya mestilah bersih menurut tata cara Islam. Islam tidak menerima falsafah “matlamat menghalalkan cara”. Ciri yang penting dalam akhlak Islam ialah keseimbangan, iaitu akhlak dalam Islam membawa keseimbangan bagi tuntutan-tuntutan realiti hidup antara rohaniah dan jasmaniah serta akliyah dan antara kehidupan akhirat sesuai dengan tabi'e atau *nature* manusia itu sendiri.

Terdapat juga ulama yang mengkaji prinsip-prinsip akhlak Islam telah dinyatakan dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Prinsip-prinsip tersebut ialah pertama ; Akhlak bersifat Iltizam iaitu ditentukan atau dicipta oleh Allah dan Rasul. Dengan itu, Allah bersifat sempurna. Firman Allah Surah Al-An'am ayat 102:

ذَلِكُمْ أَنَّ اللَّهَ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَالقُ كُلِّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ  
١٢

**102. Yang demikian (sifat-sifatNya dan kekuasaanNya)**

ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka Beribadatlah kamu kepadaNya. dan (ingatlah) Dia lah Yang mentadbirkan segala-galanya.

Oleh kerana Allah s.w.t. yang mencipta setiap perkara di dunia ini maka sewajarnyalah Dia mengetahui setiap perkara baik dan buruk serta yang sesuai dan bertentangan dengan manusia. Maka dengan itu akhlak termasuk dalam perkara ciptaanNya yang ditentukan untuk makhlukNya yang berjenis manusia.

Prinsip kedua ; Akhlak Islam bersifat mudah (Al-Yusr) iaitu senang dan mampu untuk diikuti oleh manusia. Prinsip akhlak Islam sesuai dengan tabiat manusia, tidak menyusahkan untuk diamalkan dan mampu dilaksanakan oleh semua lapisan manusia. Islam adalah Al-Din yang mudah dilaksanakan, begitu juga dengan sifat akhlaknya. Firman Allah dalam Al-Quran.

Surah Al-Baqarah ayat 286,

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا  
تُؤْخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ

عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلُنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَأَعْفُ عَنَّا  
وَأَغْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ



286. Allah tidak memberati seseorang melainkan apa Yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan Yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahanan Yang diusahakannya. (Mereka berdoa Dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau mengirakan Kami salah jika Kami lupa atau Kami tersalah. Wahai Tuhan Kami ! janganlah Engkau bebankan kepada Kami bebanan Yang berat sebagaimana Yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang Yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau pikulkan kepada Kami apa Yang Kami tidak terdaya memikulnya. dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah Kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum Yang kafir"

Prinsip ketiga; Akhlak Islam bersifat Al-Thabit Wa Al-Umum (tetap dan umum) iaitu prinsip-prinsip asas dari segi ajaran akhlak bersifat tetap dan tidak berubah. Sebagai contoh, Allah s.w.t. mewajibkan anak-anak untuk menghormati dan berbuat baik kepada kedua orang tuanya. Perlakuan berbuat baik kepada orang tua ini bersifat tetap dan tidak berubah.

### **2.2.3 Sumber Akhlak Islam**

#### **a. Al-Quran**

Al-Quran merupakan sebuah kitab yang membicarakan masalah-masalah hukum Allah, politik, pendidikan serta bidang-bidang sosiologi khususnya pembentukan sahsiah seseorang insan dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, sumber rujukan ilmu akhlak ialah kitabullah iaitu al-Quran yang menghuraikan segala

permasalahan secara terperinci dan jitu. Akhlak yang disebut dalam Al-Quran bermaksud, khaliq iaitu kejadian Allah s.w.t yang sempurna. Al-Quran adalah sumber utama penggalian ilmu akhlak untuk memahami akhlak manusia. Dalam Al-Quran terkandung ayat-ayat yang menyentuh tentang kemuliaan akhlak serta kepentingannya. Ini menunjukkan akhlak adalah antara aspek utama yang perlu dititikberatkan oleh setiap individu muslim.

Daripada firman Allah s.w.t yang bermaksud ; Dan engkau sesungguhnya mempunyai budi pekerti yang mulia. Ayat ini, dapat difahami bahawa Allah memberi pujian kepada Rasul kerana akhlak yang dimiliki oleh baginda dan ini melambangkan akhlak mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. dalam ayat yang lain yang bermaksud : Kebaikan dan kejahatan tidak sama. Tolaklah kejahatan itu dengan cara yang sebaik-baiknya. Maksud ayat Al-Quran yang telah disebut di atas menunjukkan perbezaan yang nyata antara akhlak baik dan buruk. Islam menyuruh agar meninggalkan kejahatan dengan sebaik-baik kaedah dan cara kerana kejahatan hanya mendatangkan kerugian yang besar kepada pelakunya.

### **b. Al-Hadith**

Akhlik yang dihuraikan dalam Al-Quran dijelaskan lagi menerusi hadith Rasulullah s.a.w. Oleh yang demikian, al-hadith merupakan sumber kedua akhlak Islam, di mana akhlak Islam terserlah dengan jelasnya melalui amalan-amalan seharian manusia.<sup>27</sup>

---

<sup>27</sup> Ibid. hal. 48.

Kepentingan hadis ketinggian iman akan melahirkan individu yang tinggi akhlaknya. Akhlak yang baik merupakan amalan utama yang dapat membuatkan neraca tinggi di akhirat. Tanda kecintaan kepada Rasulullah s.a.w. Dapat membebaskan diri dari azab neraka dan mendapat balasan syurga. Memiliki darjat yang tinggi. Terdapat beberapa ulamak yang memberikan pandangan tentang akhlak dan kedudukannya berikut gambaran oleh Al-Quran dan Al-Hadis. Mereka membuat penilaian tersendiri tentang tinggi akhlak dan kepentingannya dalam kehidupan manusia.

Abdul al-Karim Zaydan menyebut akhlak adalah intipati kepada ajaran agama Islam keseluruhannya. Akhlak yang mulia merupakan sendi, tanpanya agama Islam tidak akan berdiri dengan sempurna sebagaimana tidak akan ada haji tanpa wukuf di Arafah. Muhammad Aqad pula menerangkan kemuliaan akhlak merupakan sebaik-baik mahkota yang dikurniakan kepada manusia selepas mahkota Islam, bahkan Islam terbina atas ketinggian akhlak. Beliau menambah akhlak mulia merupakan saham untuk memperoleh kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Sayid Ali Fadhullah al-Husni menjelaskan seluruh ajaran Islam terkandung dalamnya suruhan atau tuntutan agar memiliki akhlak yang mulia kerana kejayaan bangsa dan kejayaan umat dilihat melalui akhlaknya sebagaimana seorang pujangga telah berkata yang bererti,

*Sesungguhnya kejayaan umat terletak pada akhlaknya selagi mereka berakhhlak. Jika mereka telah hilang akhlaknya maka lenyaplah bangsa itu.*

Berpandukan ayat-ayat Al-Quran dan hadis, Nabi serta pandangan beberapa tokoh sarjana Islam di atas menunjukkan bahawa akhlak Islam mempunyai kedudukan yang sangat penting selepas akidah dan syariat yang merupakan

manifestasi daripada kesempurnaan iman dan ibadat seseorang untuk menilai tahap keimanan dan amalan seseorang itu sudah cukup jika dilihat kepada tindak tanduk akhlaknya.

Justeru, akhlak diperlukan dalam sebuah struktur dan ajaran Islam dan bukan sekadar dari aspek akidah dan syariat tetapi menjangkau sehingga ke sudut politik, ekonomi, ketenteraan dan lain-lain. Kehidupan setiap individu, masyarakat dan bangsa itu bersandarkan kepada akhlak dan menjadi penyumbang kepada kesempurnaan peribadi insan.

Al-hadith menjelaskan bahawa orang yang berakhhlak ialah golongan yang beriman dan sifat-sifat dalam akhlak seperti malu, sabar, pembersih sebahagian daripada iman. Dengan itu, dapatlah dinyatakan bahawa akhlak dan iman tidak dapat dipisahkan. Oleh yang demikian, Allah s.w.t mengutuskan Rasulullah s.a.w. untuk menyempurnakan akhlak yang baik kepada manusia. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w sangat sayang kepada umatnya yang mempunyai akhlak yang baik dan mulia. Akhlak yang mulia merupakan tanda dan hasil daripada iman yang sebenar. Tidak ada iman yang tidak disertai dengan akhlak.

Dasar pendidikan Islam juga merangkumi seluruh sistem berasaskan aqidah, syariah dan akhlak yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah (Wan Mohd Ariffin Wan (Kadir, 1994) dan Ghazali Darul Salam 2001)<sup>28</sup> ianya juga adalah suatu latihan atau bimbingan jasmani, rohani, akhlak dan sosial yang berpandukan ilmu di mana matlamatnya untuk melahirkan manusia yang baik dan sempurna dalam berbagai-bagai aspek kehidupan supaya dapat berbakti kepada agama bagi mendapat kebahagiaan abadi dunia dan akhirat. Ini dibuktikan dengan melihat kepada kejayaan

---

<sup>28</sup> Wan Mohd Ariffin Wan kadir (1994) Konsep *pendidikan* menurut *Perspektif Islam*. Jurnal Akademik Teknokrat. Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur, 12, 85-104.

dakwah Rasulullah s.a.w selama 23 tahun di Mekah dan Madinah yang berteraskan kepada tiga dasar atau asas tersebut secara bersepadau, berjaya menghasilkan masyarakat Islam yang berilmu, beriman dan bertaqwah (Ishak, 1995)<sup>29</sup>.

Berdasarkan Akta Pelajaran 1961 Seksyen 36(1) (Kabinet, 1979)<sup>30</sup>. Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan satu mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan kebangsaan oleh yang demikian, pembelajaran Pendidikan Islam mesti dilalui oleh setiap pelajar yang beragama Islam. Sehubungan itu, pembelajaran Pendidikan Islam yang berkesan akan dapat memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran itu sendiri.

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada pembelajaran yang berkesan seperti kaedah , keterampilan guru, pilihan kerjaya, nilai ekonomi, mata pelajaran penggunaan tulisan jawi dan faktor peranan dan perhatian. Di samping itu, faktor-faktor lain atau sampingan juga turut menyumbang atau menentukan minat pelajar kepada mata pelajaran Pendidikan Islam seperti motivasi, pengalaman guru, iklim atau lokasi persekitaran yang mapan serta media massa.

---

<sup>29</sup> Abdullah Ishak, Hj. (1995) *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>30</sup> (1979) Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji dasar pelajaran, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **2.3 PENDIDIKAN AKHLAK**

Akh�ak memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia dan mempunyai kedudukan yang paling tinggi dalam hieraki tamadun umat manusia. Masyarakat yang tidak mempunyai nilai akhlak tidak dianggap masyarakat yang baik dan mulia walaupun mempunyai kemajuan yang tinggi dalam lapangan pelajaran, ekonomi, teknologi dan sebagainya

Pada umumnya, akhlak yang mulia itu merupakan sifat diri yang universal yang diakui oleh semua agama dan bangsa. Dalam Islam akhlak merupakan matlamat hidup asasi yang perlu diambil perhatian oleh segenap lapisan masyarakat baik secara individu maupun secara kolektif. Seterusnya, nilai akhlak yang mulia itu hendaklah diamalkan oleh segenap lapangan kehidupan baik pada peringkat individu, rumah tangga, masyarakat dan negara.

Jadi, untuk mewujudkan sebuah tamadun yang tinggi pendidikan akhlak perlulah disebar secara meluas untuk melahirkan watak-watak dan peribadi mulia sehingga terbinalah rumah tangga bahagia, masyarakat dan negara yang baik yang mempunyai nilai kerohanian dan akhlak yang tinggi. Oleh itu, dalam Islam akhlak itu disamakan dengan agama itu sendiri. Kepentingan dan ketinggian akhlak itu sendiri terkandung dalam al-Quran dan hadis

### **2.3.1 Pendidikan Akhlak Mengikut Islam**

Agama Islam sebagai *ad-Deen* atau *way of life* amat menekankan kepada pendidikan akhlak. Sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud :

*“Agama itu adalah nasihat”*

(Sahih Muslim, Jilid 1, Bil. 43)

Tujuan utama perutusan Nabi Muhammad s.a.w. oleh Allah s.w.t kepada manusia juga memperlihatkan kepentingan nilai akhlak atau moral dalam Islam, sebagaimana sabda baginda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”*

(Imam Malik, hal. 132).

Oleh itu, menurut kacamata Islam, nilai akhlak adalah sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Justeru,dalam Islam manusia yang paling tinggi statusnya ialah manusia yang paling mulia akhlaknya dan tinggi sifat taqwanya. Malah, tidak sempurna iman seorang muslim itu sekiranya dia tidak memiliki nilai-nilai moral dan akhlak yang mulia dan terpuji. Banyak hadis yang menunjukkan kaitan iman dengan akhlak. Misalnya, *“Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya.* (Imam Ahmad, Juz 3, No.7406) dan

*“Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri”*

(Sahih Bukhari, Jilid 1, Bil. 10).

Bagaimanapun, tidak bermakna bahawa dengan memiliki akhlak yang sempurna dan mulia sudah memadai untuk dikategorikan sebagai muslim yang benar-benar beriman. Kepentingan peranan iman kepada umat Islam diutamakan kerana ia merupakan asas yang menentukan segala amalan dan perlakunya diterima Allah s.w.t. Tiada gunanya seseorang itu berakhlek atau bermoral tinggi, namun dia

tidak mempercayai dan patuh kepada peraturan dan hukum Allah s.w.t. Dalam hal ini, Tunku Sarah (1997) turut menegaskan bahawa, penerapan nilai akhlak bermula daripada intipati tauhid kepada Allah s.w.t demi melahirkan insan soleh dan berakhhlak. Beliau membuat kesimpulan bahawa pengajaran nilai akhlak yang berkesan akan berlaku apabila dikaitkan dengan kepercayaan kepada Tuhan. Hanya apabila insan itu menyedari akan kehadiran Allah s.w.t, barulah dia akan mendidik hati dan diri dengan sebenarnya. Jelasnya, akhlak merupakan pelengkap kepada keimanan dan mencantikkan lagi ibadah yang dilaksanakan oleh seseorang muslim.

Selain daripada memahami, menghayati dan mengamalkan akhlak, umat Islam dianjurkan supaya mengamalkan adab-adab mulia dalam kehidupan. Ini kerana setiap perkara ada kandungan dan bentuknya. Dalam akhlak, antara kandungannya ialah adab, manakala bentuk intipatinya ialah iman dan taqwa. Ini bermakna apabila menyebut konsep akhlak, secara langsung menyentuh adab-adab mulia.

Adab yang kata akarnya *addaba* bermaksud mengajarkan adab. Adab juga boleh membawa maksud adat kebiasaan. Tegasnya, menggambarkan satu kebiasaan, budi pekerti dan perilaku yang diambil daripada orang yang dianggap sebagai contoh (Marwan Ibrahim al-Kaysi, 1997). Dalam konteks Islam, sudah semestinya adab-adab yang digariskan adalah bersumberkan wahyu Ilahi. Namun, perlaksanaan adab adalah mengikut keadaan dan tuntutan masyarakat setempat asalkan ia tidak bertentangan dengan prinsip dan syariat Islam. Ini kerana menurut Marwan Ibrahim al-Kaysi (1997), adab Islam bertujuan untuk menyusun kehidupan harian, yang memberikan ketenangan dan maruah. Justeru, adab Islam menyentuh soal-soal

kehidupan umat Islam dari sekecil-kecil perkara hingga besar kepada perkara yang besar.

Kesimpulannya, aspek akhlak sangat ditekankan dalam Islam, malah merupakan sebahagian daripada agama Islam itu sendiri. Untuk memelihara kehidupan yang harmoni, maka penekanan kepada sudut keagamaan dan kerohanian amatlah penting terutama dalam penekanan iman yang berlandaskan tauhid kepada Allah s.w.t. Ini kerana kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan mewujudkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang lemah melahirkan akhlak yang buruk dan keji (Mohd. Kamal Hassan, 1987). Maka jelas di sini, peranan agama dan aspek rohani perlu ditekankan dalam apa jua bentuk pendidikan akhlak dan moral. Pendidikan akhlak berteraskan nilai agama adalah lebih sempurna dan menjamin melahirkan insan yang berkualiti sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi.

Walaupun telah dijelaskan betapa Islam mengambil berat tentang peranan iman dan rohani atau agama dalam pendidikan akhlak, namun terdapat pelbagai pandangan yang menolak kepentingannya. Misalnya, masyarakat Barat kini tidak pasti akan peranan agama berhubung dengan pendidikan nilai, moral dan akhlak. Tidak keterlaluan jika dikatakan “masyarakat Barat yang tidak beriman”, yang sekular sedang menolak kepentingan agama secara menyeluruh. Menerusi globalisasi, impaknya yang negatif ke atas masyarakat boleh menjadi sesuatu yang lebih serius.

Walau apa pun, keadaan seperti ini tidak berlaku di kebanyakan negara di rantau ini. Di Malaysia, pelbagai langkah telah diambil bagi menyedarkan masyarakat untuk kembali kepada nilai-nilai mulia. Ini merupakan suatu petanda

yang baik bagi kedua-dua pendidikan nilai moral dan pendidikan agama. Perkara ini jelas dalam Rukun Negara (khususnya berkaitan dengan kalimah ‘kepercayaan kepada Tuhan’) dan cabaran keempat yang terkandung dalam Wawasan 2020, iaitu mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika sepenuhnya, yang rakyatnya kuat beragama dengan nilai kerohanian serta disemai dengan nilai etika paling tinggi.

Terkini ialah Pelan Integriti Nasional (PIN) yang digubal oleh pihak kerajaan yang merangkumi semangat dan prinsip Perlembagaan Persekutuan serta falsafah dan prinsip Rukun Negara merupakan suatu pelan induk dalam usaha membina masyarakat yang bermoral dan beretika. Penggubalan PIN juga bertujuan merealisasikan Wawasan 2020 jelas menunjukkan penekanan Malaysia kepada nilai agama dan kerohanian dalam membentuk peribadi mulia dan moral yang tinggi. Tegasnya, pendidikan agama dipercayai berupaya mempengaruhi cara pemikiran anak-anak khususnya remaja dan seterusnya tingkah laku mereka. Oleh itu, suatu bentuk sistem pendidikan akhlak dan moral yang mengambil kira peranan dan nilai agama perlu diberi perhatian dan ditekankan ke atas pelajar. Kaedah memupuk akhlak yang baik dalam Islam sebagai mana yang disebut oleh al Ghazali adalah melalui teladan yang baik, pelaziman, ancaman (peneguhan negatif), galakan (peneguhan positif ), hukuman dan iktibar (pengajaran).

Ajaran Islam mencakupi tiga aspek utama iaitu akidah, syariat dan akhlak. Akidah dan syariat tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain dan kedua-duanya saling melengkapi dan kelestariannya dapat dilihat daripada akhlak yang terzahir. Dari Syeikh Mahmud Syaltut menegaskan bahawa manfaat daripada penghayatan akidah dan pelaksanaan syariat dapat digambarkan melalui akhlak dan budi pekerti yang dimanifestasikan. Iman bukanlah agama sahaja tetapi segala yang terdetik

dalam hati lalu dibenarkan dengan amal perbuatan yang nyata. Rasulullah s.a.w bersabda lagi, maksudnya : *Malu dan iman itu kedua-duanya bergandingan jika hilang salah satunya maka hilang pulalah yang lainnya.* Hadis tersebut menunjukkan bahawa akhlak dapat mencerminkan tahap keimanan seseorang kerana keimanan yang padu dalam diri akan menghasilkan perilaku yang mulia atau disebut dengan *akhlaq al-karimah*.

Muhammad Al-Ghazali (1917-1996) menyatakan akhlak mempunyai hubung kait yang rapat dengan iman. Akhlak atau budi pekerti mulia ialah ilustrasi daripada kekuatan iman dan keteguhan akidah. Banyak ayat al Quran menjelaskan bahawa Allah s.w.t. menilai kebaikan seseorang berdasarkan kepada kesempurnaan pelaksanaan rukun iman. Ini membuktikan akhlak dan iman saling bergandingan antara satu sama lain. Bukti kukuhnya iman dapat dilihat melalui akhlak yang ditunjukkan. Rasulullah s.a.w menjelaskan bahawa iman yang kuat pasti melahirkan budi pekerti yang mulia. Sebaliknya rosaknya budi pekerti berpunca daripada lemahnya iman atau kerana hilangnya iman.

Kepentingan akhlak dapat dilihat dengan jelas lagi apabila Islam menjadikan akhlak sebagai alasan agama Islam diturunkan. Rasulullah s.a.w. diutuskan kepada manusia adalah untuk membawa risalah akhlak dan menyebarkan akhlak yang mulia sebagaimana sabda nabi, maksudnya : Sesungguhnya aku diutuskan oleh Allah s.w.t. untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Hadis tersebut menjelaskan Allah s.w.t. penyelamat atas segala penyelewengan dan keruntuhan akhlak yang dilakukan oleh umat-umat terdahulu. Menurut Fathi Yakan, akhlak mendapat tempat yang tinggi dan utama selepas akidah dan merupakan matlamat utama risalah Islam. Akidah pula merupakan tunjang bagi

kehidupan umat Islam. Dari akidah itulah lahirnya segala sifat-sifat dan perbuatan manusia yang merangkumi semua kegiatan kehidupan sama ada baik atau buruk dan itulah yang dinamakan akhlak (Yakan, 1982)<sup>31</sup>. Oleh sebab akhlak merupakan intipati daripada akidah Islam maka akidah dan akhlak tidak boleh dipisahkan. Akhlak yang mulia merupakan tanda dan hasil daripada imej yang sebenar. Pemisahan akidah dan akhlak adalah sia-sia kerana hal ini tidak akan membawa kepada matlamat beragama yang sebenar (Maududi, 1979).<sup>32</sup>

Akhlaq dalam Islam ialah suatu sistem atau peraturan yang merangkumi tingkah laku manusia secara terperinci. Tindakan tersebut bertitik tolak daripada keimanan sehingga dikatakan tidak berakhlaq bagi orang yang tidak beriman kepada Allah. (al-Hasyimi, 1974)<sup>33</sup> Bahkan Islam telah menjadikan akhlak mulia termasuk dalam kesempurnaan iman seseorang muslim. Ini telah dinyatakan dalam sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud :

*Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling mulia akhlaknya*  
(al-Bukhari, 1994b).<sup>34</sup>

Menurut Zaki Mubarak, akhlak ialah suatu sains atau kajian terhadap sistem-sistem keimanan atau iktiqad yang meliputi kajian terhadap baik buruk sesuatu tingkah laku dengan objektif untuk mempraktikkannya dan bukan untuk kepentingan ilmu semata-mata. Kajian tersebut meliputi tingkah laku yang perlu bagi manusia berhubung dengan Allah, sesama makhluk dan alam semesta. Juga suatu kajian

---

<sup>31</sup>Fathi Yakan (1982), (*Yakan, 1982*), Cet. Ke. 8. hal. 37.

<sup>32</sup>AbulA`la al-Mardudi (1979), *Ethical View Point Of Islam*, Lahore : (Maududi, 1979). Hal. 27.

<sup>33</sup> `Abid Taufiq al-Hasyimi (1974). *TuruqTadrис al-Dimiy*. Cetakan 2, Beirut : Muassasah al-Risalah, hal. 198.

<sup>34</sup>Muhammad Bin Ismail Abu` Abd Allah al-Bukhari (1994) *Sahih al-Bukhari. Kitab al-Adas*, no hadis 5569, diriwayatkan juga oleh Imam al-Hafiz Daud Sulaymalbn al-Ash`ath al-Sajastani, Sunan AbiDaud (1974M) (1394H) Juzuk 5, Cetak 1, Syria : Dar al-hadith Li al-Tiba`at Wa al-Nashr Wa al-Tamzi : hal. 60.

bagaimana membersihkan jiwa seseorang daripada akhlak hina dan menghiasinya dengan akhlak yang terpuji (ZaliMubarah, t.t)<sup>35</sup>

Berdasarkan kepada penjelasan itu ternyata bahawa dalam Islam watak baik dan buruk digambarkan melalui ajaran yang terdapat dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Dengan itu, akhlak Islam berteraskan ketakwaan dan keimanan kepada Allah s.w.t. untuk mendapatkan keredhaanNya. Neraca utama pengukuran nilai akhlak seseorang adalah melalui tingkah laku, sikap, cara berkomunikasi dan sebagainya dalam kehidupan seseorang. Akhlak juga merupakan perhiasan diri yang dimiliki oleh setiap manusia yang boleh digambarkan dengan berbagai-bagai cara seperti lemah-lembut, menghormati orang tua, tolong-menolong dan sebagainya (Al-Hashimi, 1998)<sup>36</sup>.

Ajaran Islam berakhir dengan amalan, iaitu wujud dalam bentuk tingkah laku atau perbuatan, rukun Iman, rukun Islam, ilmu tauhid dan ilmu fiqh berpangkal kepada akhlak. Amalan tersebut dikendalikan oleh akhlak sehingga hasilnya menjadi positif. Rasulullah s.a.w bersabda mafhumnya, : *Sesungguhnya, sebaik-sebaik antara kamu ialah yang mempunyai akhlak yang paling baik (al-Bukhari, 1994a)*<sup>37</sup>.

Melalui hadith di atas, dapat difahami bahawa pengukuran utama dalam menilai kebaikan dan ketinggian iman seseorang individu Muslim melalui neraca akhlak mereka. Justeru, akhlak merupakan ciri-ciri kelebihan antara manusia kerana menjadi lambang kesempurnaan iman, ketinggian takwa dan kealiman seseorang

<sup>35</sup>ZaliMubarah (t.t) *al-AkhlaqInd al-Ghazali*, Beirut : Mahsurat al-Maktabah al-Asriyyah, hal.113-114.

<sup>36</sup>Muhamad Ali- Al-Hashimi (Dr.) (1998) *Keperibadian Muslimah*, Haji Juanda Haji Janja (Terj), B.B- Bangi. Maktabah al-Qaradawi, hal. 421.

<sup>37</sup> Muhammad Bin Ismail Abu` Abd Allah al-Bukhari (1994) *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Adab, no hadis 5575.

manusia berakal dinilai melalui akhlak. Dikatakan bahawa sebaik-sebaik manusia di muka bumi ini adalah yang paling baik akhlaknya.

Disebabkan akhlak mulia dalam Syariat Islam sesuatu yang besar, maka perkara paling berat diletakkan pada timbangan seseorang hamba pada hari kiamat. Malah menyamai pahala sembahyang dan puasa, dan rukun Islam yang besar sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sabdanya yang bermaksud:

*Tidak ada sesuatu yang diletakkan pada timbangan yang lebih berat daripada akhlak mulia. Sesungguhnya akhlak mulia menyebabkan pelakunya sampai kepada darjat sembahyang dan puasa.<sup>38</sup>*

Jelasnya, akhlak Islam menekan matlamat dan tujuan penciptaan manusia sebagai khalifah dan hamba yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan alam dan memakmurinya. Sistem Islam bersumberkan wahyu Ilahi yang memiliki kekuatan sendiri untuk membentuk akhlak individu yang memahami konsep dan syariat Islam yang mencakupi kepelbagaiannya aspek kehidupan (Hambali, 2000).<sup>39</sup>

Kesimpulannya, akhlak dapat melatih dan membentuk peribadi seseorang untuk menjadikan individu tersebut baik dan mulia dalam kehidupan. Malah mempunyai hubungan yang amat erat dengan keimanan seseorang. Perincian yang ditonjolkan dan sistem akhlak Islam yang ditekankan secara berperingkat adalah untuk memastikan setiap individu mencapai matlamat kebenaran, keadilan, dan hikmah penciptaan sebagai manusia dilakukan untuk melahirkan generasi manusia

---

<sup>38</sup>Riwayat al-Tirmidhi, Sunah Tirmidhi, Juz, 3 dalam *Abwab al-Birr wa al-shilah* no. Hadith 245. h. 61 dan perawinyatsiqah.

<sup>39</sup>Khadijah binti MohdKhambali @ Hambali (2000). “ *Konsep Sila dan Akhlak : Satu Analisis Awal* ” AFFAR-Jurnal Akidah dan Penilaian Islam, Jabatan Akidah dan Penilaian Islam, Akademi Pengajian Islam. UM., bil 1, Shah Alam : Khairom Ilmu Enterprise. h. 150.

yang berakhlak. Ternyata di sini bahawa akhlak mulia akan menjamin keselamatan hidup manusia dunia dan akhirat (Zin, t.t) <sup>40</sup>.

### **2.3.2 Pendidikan Akhlak Dalam KBSM**

Sifat dan cara hidup Islam (pendidikan Akhlak) termasuk dalam pembelajaran Ulum Syariah iaitu untuk membentuk peribadi pelajar ke arah tingkah laku muslim yang mukmin. Bidang pembelajaran Adab berteraskan akhlak Islamiyah diajar khusus dalam bahagian Akhlak Islamiyah. Adab yang telah diperoleh dan diamalkan di peringkat Sekolah Rendah dipertingkatkan lagi di sekolah menengah. Adab ini berdasarkan cara hidup muslim dalam hubungannya dengan Allah, diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan Negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2002)<sup>41</sup>. Kandungan kurikulum ini digubal untuk memenuhi keperluan setiap muslim dari segi fardhu ain dan fardhu kifayah bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat bersesuaian dengan peringkat dan keupayaan pelajaran menengah rendah.

Dalam KBSM pendidikan akhlak diajar secara formal melalui pelajaran Pendidikan Islam kepada setiap pelajar yang beragama Islam. Manakala Pendidikan Moral pula khusus bagi pelajar bukan Islam. Pendidikan Akhlak diajar melalui pelajaran Pendidikan Islam di samping penerapan nilai-nilai murni juga dilakukan melalui mata pelajaran lain. Walaupun terdapat beberapa pendekatan untuk menerapkan unsur-unsur akhlak kepada para pelajar namun keberkesanannya masih belum diketahui.

---

<sup>40</sup> Abdullah Muhammad Zin (t.t), *al-Akhlaq al-Islam wa Atharuha fi Bina` al-Mujtama`* Malaysia : Pustaka Antara. H. 26-28.

<sup>41</sup> KPM (2002) *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sek. Men. (KBSM)* Ampang, Hulu Kelang, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di Malaysia persoalan pendidikan akhlak diberi perhatian terutamanya dalam sistem pendidikan kebangsaan. Untuk merealisasikan hasrat ini, maka pelajar Islam diwajibkan mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam, manakala pelajar bukan Islam pula dikehendaki mengikuti mata pelajaran Pendidikan Moral. Pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam boleh dilihat menerusi perkembangan pendidikan Islam di negara ini. Secara amnya terdapat empat jenis sistem pendidikan Islam. Jenis pertama merupakan pembelajaran di rumah guru. Menurut Maimunah, seperti mana dilaporkan oleh Abdullah Ishak (1995), struktur dan kurikulum pendidikan Islam di rumah guru pada zaman Kerajaan Melayu Melaka lebih menekankan kepada pengajian membaca al-Qur'an, di samping ilmu lain yang berkaitan dengan keagamaan seperti tauhid, fiqah, tasawwuf, sejarah Islam dan pengajaran yang mendatangkan kebaikan.

Jenis kedua ialah pengajian di institusi pondok yang dikenali sebagai pendidikan tradisional dan merupakan satu *legacy* pendidikan Islam yang tertua dan berpengaruh dalam melahirkan pelajar berpengetahuan agama, berakh�ak tinggi serta dapat membimbing masyarakatnya (Ghazali Basri, 1991). Sebenarnya istilah "pondok" berasal daripada perkataan Arab, *funduq* yang bermaksud rumah-rumah kecil tempat tinggal, untuk empat hingga lima orang pelajar bagi setiap buah rumah. Pondok-pondok itu didirikan atas usaha alim ulama dan masyarakat tempatan. Matlamat utama penubuhan institusi pondok ialah melahirkan masyarakat yang dapat menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna. Justeru, kurikulum pengajian pondok lebih menumpukan kepada bidang keagamaan dan pengajarannya lebih bersifat penghafalan dan pemahaman.

Jenis ketiga pula ialah sistem pendidikan berkonsepkan sistem madrasah yang lebih sistematik dan formal. Ini merupakan satu alternatif yang menarik perhatian masyarakat Melayu kerana taraf pelajaran di madrasah adalah tinggi dan kurikulumnya bersifat lebih komprehensif kerana telah dimasukkan beberapa mata pelajaran lain dalam pendidikan Islam. Ini sesuai kerana Kaum Muda ketika itu berpendapat bahawa umat Islam tidak seharusnya mementingkan akhirat semata-mata tetapi perlu maju dalam aspek sosioekonomi dan politik agar menjadi umat yang berdaya saing dan progresif. Pertumbuhan madrasah sesungguhnya bagi cendawan disebabkan anggapan bahawa sistem pondok tidak mampu berkembang mengikut kehendak dan keperluan dalam kehidupan serba moden, di samping alasan untuk menyaingi pendidikan sekular yang ditubuhkan oleh pendakwah Kristian seperti Sekolah Convent. Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa kemunculan madrasah tidak melupuskan atau melemahkan sistem pondok yang sedia ada bersama-sama kedua-duanya ingin mengukuhkan kedudukan pendidikan Islam di Tanah Melayu. Bahkan, kedua-dua sistem pondok dan madrasah memainkan peranan penting dalam memelihara identiti Islam pada orang Melayu dan menyediakan orang Melayu dengan teras pendidikan Islam. Sesetengah cendekiawan berpandangan bahawa intipati institusi pondok untuk masyarakat Melayu boleh diterangkan sebagai acuan bagi sudut budaya dalam pendidikan dalam masyarakat Melayu Islam (Azmi Aziz & Shamsul A.B, 2004).

Keutuhan pendidikan Islam pada akhir abad ke-19 mengalami cabaran dengan kehadiran penjajah Inggeris di Tanah Melayu. Proses sekularisasi penjajah telah memperkenalkan dasar pelajaran yang amat menghadkan kurikulum pendidikan Islam dan mengawal ketat pengajaran al-Quran. Sekolah vernakular Melayu telah

ditubuhkan. Selain itu, penubuhan MCKK telah menggunakan kurikulum serupa dengan yang digunakan di England. Kedatangan Inggeris sesungguhnya telah memperkenalkan pendidikan sekular kepada orang Melayu. Tegasnya, pada zaman penjajahan ini menurut Rosnani Hashim (2001), sistem pendidikan digunakan sepenuhnya oleh pihak penjajah untuk mencapai agenda mereka yang tersendiri, termasuk menyebarluaskan fahaman sekular dan meminggirkan agama.

Sejarah penubuhan sekolah menengah dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sebelum merdeka dan selepas merdeka. Secara amnya sekolah menengah sebelum merdeka tidak formal berbanding sekolah menengah selepas merdeka yang dibuat secara formal dan sistematik.

Setelah negara mencapai kemerdekaan, institusi madrasah (dikenali juga sebagai sekolah agama atau sekolah Arab) berterusan menghadapi cabaran. Ini kerana Akta Pelajaran 1961 (yang berasaskan kepada Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960) yang membawa perubahan besar dalam sistem pendidikan kebangsaan telah memasukkan Pendidikan Agama Islam sebagai satu mata pelajaran ke dalam kurikulum sekolah kerajaan. Sekaligus keadaan ini melemahkan kedudukan sistem madrasah, lebih-lebih lagi dasar pendidikan kebangsaan memberikan gambaran bahawa prospek kerjaya atau jaminan ekonomi adalah lebih baik bagi lulusan sekolah kerajaan berbanding dengan lulusan madrasah (Mohd. Yunus Noor, 1990). Kepentingan Pendidikan Agama Islam di sekolah-sekolah kerajaan diberi penekanan lagi apabila mata pelajaran ini diwajibkan ke atas semua murid Islam dan dimasukkan ke dalam jadual waktu rasmi sekolah pada tahun 1962 dengan masa yang diperuntukkan iaitu dua jam seminggu.

Dari sudut kandungan kurikulumnya pula, hampir serupa dengan apa yang diamalkan di kebanyakan negara Islam. Kurikulum mengandungi pengajian al-Qur'an yang merupakan komponen asas, di samping hadis dan mata pelajaran tauhid, fiqah, akhlak, tulisan, tata bahasa Arab, kesusasteraan dan sejarah. Sesungguhnya perlu ditegaskan bahawa Pendidikan Agama Islam diadakan di sekolah kerajaan bagi menjamin hala tuju pendidikan Islam bukan mengenepikan sistem pondok dan madrasah atau sekolah agama. Demi pendidikan Islam, semua sistem pendidikan yang terlibat dengannya ada kelebihan masing-masing dan patut dimanfaatkan oleh semua pihak.

Sepanjang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam (sebelumnya disebut Pengetahuan Agama Islam), pemantauan tentang keberkesanan mata pelajaran ini sentiasa diusahakan. Dapatan kajian itu terkandung dalam *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979*, antaranya ialah: Mutu pelajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah sekarang ini belum lagi mencapai satu peringkat yang diharapkan.

Pendidikan Agama Islam seperti yang dijalankan pada masa ini kurang menitikberatkan aspek-aspek amali sepetimana yang dijangka dan dikehendaki (Perkara 348.3). Kurikulum Pendidikan Islam telah dipertingkat lagi apabila Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) diikuti dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan. Peningkatannya boleh dilihat dari segi status dan sukanan pelajaran berbanding Kurikulum Lama Sekolah Menengah. Dalam KBSM, Pendidikan Islam

terdiri daripada Pendidikan Islam Teras dan Pendidikan Islam Elektif. Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran teras terbahagi pula kepada dua bidang iaitu bidang Tilawah al- Qur'an yang menekankan aspek bacaan, hafazan ayat-ayat, zikir dan doa serta kefahaman ayat-ayat tertentu; dan bidang Ulum Syariah pula menekankan aqidah, ibadah, sirah dan tamadun Islam serta sifat dan cara hidup Islam.

Pendidikan Islam KBSM juga memperlihatkan peningkatan iaitu bagi peringkat menengah rendah ialah 240 minit atau enam kali seminggu. Bagi peringkat menengah atas pula, peruntukan masa ialah 160 minit atau empat kali seminggu. Sistem dan kurikulum pendidikan sentiasa bersifat dinamik. Tiada kurikulum yang berkekalan. Ia sentiasa disemak dan mengalami perubahan. Begitu juga halnya dengan Pendidikan Islam kerana pada 1996 keputusan telah dibuat untuk menyemak kurikulum mata pelajaran itu.

Sekali lagi, pada tahun 1998 kurikulum Pendidikan Islam mengalami perubahan demi mencapai matlamat yang diinginkan semaksimum mungkin. Ia dibahagikan kepada tiga komponen iaitu pertama, Tilawah al-Qur'an yang menumpukan kepada membaca dan menghafal ayat-ayat al-Qur'an mengikut hukum tajwid, memahami pengertian, pengajaran dan hikmat serta menghayatinya. Kedua, Ulum Syariah yang menumpukan kepada pemantapan aqidah, ibadah dan meneladani sirah Rasulullah s.a.w. serta Tamadun Islam. Akhir sekali, Pendidikan Akhlak Islamiah yang berfokus kepada pembentukan peribadi pelajar ke arah tingkah laku muslim mukmin melalui pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan dan cara hidup muslim dalam hubungannya dengan Allah s.w.t, diri, keluarga, masyarakat, negara dan alam sekitar.

Setelah kurikulum Pendidikan Islam dilaksanakan selama tiga tahun, suatu semakan semula telah dilakukan ke atas Pendidikan Akhlak Islamiah. Beberapa perubahan telah dilakukan yang melibatkan juga perubahan pada kandungan kurikulum Pendidikan Akhlak Islamiah dan kaedah penyampaiannya. Komponen itu kini dinamakan sebagai Adab dan Akhlak Islam (AAI) yang terdiri daripada enam bidang pembelajaran yang mempunyai subbidang masing-masing. Dari sudut struktur, pembentukan kandungan dalam kurikulum AAI berteraskan kepada empat aspek hubungan iaitu hubungan dengan diri sendiri, individu lain, alam sekitar dan negara serta Rasul dan Pencipta (Allah).

Manakala dari sudut kaedah penyampaiannya, guru dikehendaki menerapkan nilai-nilai akhlak Islam ketika menerangkan adab dan amalannya dalam kehidupan pelajar. Guru-guru dikehendaki menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi. Tegasnya, media elektronik dan komunikasi massa telah digunakan untuk memajukan dan mengembangkan nilai dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini bertujuan meluaskan lagi pengetahuan dan kemahiran pelajar ketika alam persekolahan dan apabila kembali ke dalam masyarakat bagi mendepani dan menangani arus globalisasi.

Pengenalan komponen adab dan akhlak Islam dalam kurikulum Pendidikan Islam pada 2003 adalah merupakan suatu usaha untuk mempertingkat dan mengemaskini lagi pengajaran dan pembelajaran akhlak di sekolah yang antara lainnya bagi mencapai matlamat iaitu melahirkan pelajar yang mempunyai ciri-ciri berikut iaitu mantap serta kukuh iman dan taqwa sebagai benteng ketahanan diri,

menguasai ilmu fardu ain dan fardu kifayah, sebagai pedoman dan amalan hidup, mengamalkan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah bagi memenuhi tanggungjawab ibadah dan berakhlak mulia sebagai pelengkap diri dan tonggak budaya (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM, 2002).

Berdasarkan ciri kandungan AAI dan matlamat Pendidikan Islam di atas, adalah jelas bahawa selain mempelajari komponen lain dalam Pendidikan Islam adalah diharapkan pengajaran AAI dapat membentuk pelajar yang mampu mengharungi nilai-nilai luar menerusi iman dan taqwa yang mantap, sebagaimana dijelaskan adab dan akhlak juga akan dapat mengawal diri daripada gejala negatif (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM, 2002). Ini bermakna AAI mesti menjadi induk utama kepada nilai-nilai materialisme, sekularisme, sainstisme dan sensateisme. Dengan penuh altruisme ia perlu menggunakan nilai-nilai yang telah diislamisasikan untuk kesejahteraan masyarakat dan persaudaraan atau manusia sejagat. Begitu juga diharapkan pelajar yang berakhlak dan beradab boleh bertindak dalam semua keadaan dengan berkesan.

Begitu juga, perlu ditegaskan bahawa penampilan diri guru di sekolah memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai akhlak Islam. Dalam hal ini, guru atau pendidik perlu bertindak sebagai *role model* dan mengamalkan nilai-nilai moral dan adab yang baik untuk diteladani oleh pelajar. Sesungguhnya guru adalah pendakwah yang paling berkesan. Guru-guru juga perlu untuk tidak hanya menceritakan *ideological legend* dalam Islam tetapi membicarakan model kehidupan dalam dunia yang sebenar. Guru tidak hanya menyampaikan fakta dan pengetahuan

tetapi menajamkan makna kemanusiaan dan teknologi dalam kalangan pelajar agar dapat menghadapi cabaran dan menangani zaman globalisasi dengan jayanya.

## **2.4 KEBERKESANAN DALAM PENDIDIKAN**

### **2.4.1 Pengetahuan**

Pengetahuan didefinisikan sebagai sesuatu yang diketahui oleh seseorang atau apa yang dirasakan benar, sama ada betul atau salah (Alexander et. al. 1991). Pengetahuan tersebut dipercayai terbina sejak zaman kanak-kanak dan membentuk suatu gugusan pengetahuan. Pengetahuan juga dapat didefinisikan mengikut tujuan ia dituntut. Menurut Ibnu Khaldun (2003) dua tujuan menuntut ilmu iaitu (1) Tujuan agama : iaitu ilmu yang dituntut membawa kepada mengenal Tuhan, beramal untuk akhirat dan dapat menunaikan hak-hak Allah s.w.t. yang diwajibkan. (2) Tujuan keilmuan : membawa seseorang kepada kemahiran yang membolehkan individu tersebut menghadapi dan digunakan untuk kehidupan di dunia.

### **2.4.2 Sikap**

Triandis (1971) mentakrifkan sikap sebagai kecenderungan untuk memberi respon sama ada secara positif atau negatif terhadap sesuatu perkara, idea atau situasi. Dalam kajian ini sikap terhadap penerimaan pendekatan dakwah kecerdasan rohani sebagai salah satu pendekatan dalam berdakwah kepada murid semasa pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Maio dan Haddock (2009) sikap didefinisikan sebagai penilaian keseluruhan terhadap sesuatu objek berdasarkan kognitif, afektif dan tingkah laku. Sikap juga merujuk kepada mempunyai ikatan yang kuat dan berupaya mempengaruhi tindakan dan dalam kajian psikologi sikap memainkan peranan utama dan boleh diukur dengan pelbagai cara. Sikap terdiri daripada tiga dimensi iaitu

informasi tentang kognitif, informasi tentang afektif dan informasi tentang tingkah laku.

Robbins (2007) yang mendefinisikan sikap sebagai gambaran perasaan seseorang tentang sesuatu iaitu membuat pilihan yang baik iaitu yang menyenangkan ataupun tidak menyenangkan terhadap sesuatu objek, individu atau peristiwa. Beliau juga menghuraikan struktur sikap dan komponennya seperti berikut;

- i) Kognitif : berkaitan dengan pengetahuan, pandangan, keyakinan atau persepsi pendapat, kepercayaan. Komponen ini menjelaskan tentang proses berfikir dan menekankan unsur rasional dan logik akal. Penilaian yang dilakukan dimanifestasikan sebagai kesan yang baik atau tidak baik kepada seseorang terhadap objek atau orang.
- ii) Afektif : berkaitan dengan emosional iaitu perasaan suka atau tidak terhadap sesuatu objek atau seseorang. Perasaan suka merupakan sesuatu yang positif manakala perasaan tidak suka pula adalah sesuatu yang negatif.
- iii) Tingkah laku : berkaitan tingkah laku iaitu kecenderungan bertindak atau menunjukkan tingkah laku terhadap sesuatu objek atau seseorang seperti peramah atau agresif dan sebaliknya. Tingkah laku dapat diukur melalui tindakan.

### **2.4.3 Amalan**

Menurut Kamus Dewan (2002) perkataan “amal” bermaksud apa sahaja yang dilakukan, perbuatan, pekerjaan atau perbuatan baik yang member faedah kepada orang lain. Manakala perkataan “amalan” bermaksud sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan, dikerjakan sebagai satu kebiasaan, perbuatan baik atau kebajikan. Dalam konteks kajian ini amalan bermaksud suatu perbuatan, perlaksanaan atau tingkah laku yang menjadi kebiasaan kepada pelajar-pelajar hasil dari keberkesanan pendidikan akhlak.

## **2.5 KESIMPULAN**

Pendidikan akhlak dan keberkesanannya pendidikan tersebut amat perlu dikaji untuk memastikan inspirasi pendidikan Negara seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) tercapai dan akan melahirkan generasi dan rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia.

## **BAB III**

### **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

#### **2.1 PENGENALAN**

Perkataan metodologi adalah berasal dari perkataan Yunani iaitu “methodos” dan “logos”. “Methodos” membawa erti cara dan “logos” membawa erti ilmu. Dengan kata lain, metodologi memberi erti ilmu tentang cara (Koentjarangningrat., 1977)<sup>42</sup>. Metodologi dianggap sebagai satu falsafah dalam proses penyelidikan yang meliputi andaian-andaian dan nilai-nilai yang menjadi dasar alasan penyelidikan serta ukuran ataupun kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan. Bab III ini membincangkan tentang aspek-aspek yang penting berhubung dengan metodologi kajian dengan memberi penekanan kepada reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, dan proses menganalisis data yang digunakan dalam kajian ini.

Kajian ini dijalankan menggunakan keadah kajian deskriptif iaitu menggunakan kaedah *survey* (tinjauan) ke atas populasi pelajar Islam Menengah Rendah dengan borang soal selidik untuk mengetahui keberkesanan pendidikan akhlak dalam Pendidikan Islam di sekolah. Kajian deskriptif bertujuan untuk memerihalkan sesuatu fenomena atau situasi yang berlaku semasa kajian dijalankan. Menurut Sidek Mohd Noah, rekabentuk deskriptif selalunya dijalankan bagi memberikan penerangan yang sistematik mengenai fakta dan tepat (Sidek Mohd

---

<sup>42</sup> Koentjarangningrat, (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : Penerbit Gramedia, t.c., h. 16

Noah, 2002) <sup>43</sup>. Pengkaji dalam kajian ini akan menerangkan mengenai keberkesanan pendidikan akhlak dalam Pendidikan Islam di sekolah yang merangkumi pengetahuan, sikap dan amalan pelajar terhadap akhlak di kalangan pelajar Islam Menengah Rendah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.

## 2.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan pendidikan akhlak dalam Pendidikan Islam di sekolah-sekolah khususnya di peringkat menengah rendah. Menurut konsep bahasa, metodologi merupakan suatu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan contohnya dalam bidang penyelidikan (Iskandar, 1996) <sup>44</sup>. Koentjaraningrat menjelaskan bahawa metodologi berasal daripada bahasa Greek. “Method” yang bermaksud cara dan “logos” pula bererti ilmu.

Oleh itu, apabila digabungkan keduanya membawa maksud cara kerja untuk memahami pokok persoalan yang menjadi sasaran bidang ilmu bersangkutan (Koentjarangningrat., 1977) <sup>45</sup>. Menurut Kenneth D Bailey pula, metodologi merupakan falsafah kepada proses penyelidikan dan ini termasuk andaian-andaian serta nilai-nilai yang menjadi dasar alasan penyelidik. Selain daripada itu, penyelidik menggunakan sebagai ukuran ataupun kriteria untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan (Bailey, 1978) <sup>46</sup>

---

<sup>43</sup>Sidek Mohd Noah (2002) Reka Bentuk Penyelidikan : Falsafah, Teori dan Praktis, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia, hal.2

<sup>44</sup>Dr Teuku Iskandar (1996) Kamus Dewan. KL .DBP , hal. 887.

<sup>45</sup>Koentharaningrat (1989) Metode-metode Penelitian Masyarakat , Jakarta : PT Gramedia, h.7.

<sup>46</sup>Kenneth D. Bailey. (1978) Methods of Social Research, New York : A Division of Mac Milan Publishing Co. Inc, h.26

Manakala maksud penyelidikan pula ialah mencari dan menghimpu data untuk mengkaji hipotesis kajian atau meleraikan masalah yang dikaji (Rohana Yusuf, 2003)<sup>47</sup>. Dalam erti kata yang lain pula, penyelidikan adalah satu proses untuk mencari dan mendapatkan pengetahuan atau ilmu terhadap perkara-perkara baru yang dikaji atau mencari kesahihan tentang sesuatu perkara seterusnya menyelesaikan sesuatu masalah tertentu yang dihadapi (Ghazalba, 1981)<sup>48</sup>.

Penyelidikan boleh juga ditafsirkan sebagai suatu aktiviti yang tersusun, sistematik berdasarkan data kritikal dan penyiasatan yang saintifik kepada masalah khusus yang dilakukan bertujuan mendapat jawapan atau penyelesaian kepada masalah berkenaan (Azhar Harun, 2004).<sup>49</sup>

Tujuan penyelidikan pada asasnya adalah untuk mendapat maklumat atau mencari jawapan kepada soalan yang dibangkitkan . Cara yang dilakukan untuk mencari jawapan ialah melalui satu tatacara saintifik (Syed Arabi Idid, 1992) <sup>50</sup> . Saintifik bermaksud sesuatu aktiviti yang terhasil daripada proses pembuktian secara sistematik (MohamadNajib Abdul Ghafar, 1992) <sup>51</sup>.

Tatacara pula adalah kaedah-kaedah tertentu yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Kaedah-kaedah ini dikenali juga sebagai metodologi penyelidikan.

---

<sup>47</sup>Rohana Yusuf (2003) Penyelidikan Sains Sosial. Pahang : PTS Publication & Distribution SdnBhd, h. 6.

<sup>48</sup>Sidi Gazalba (Drs) (1981), Pembimbing Latihan Ilmiah Dan Tesis. KL : Penerbitan Pustaka Antara, h.74.<sup>48</sup>

<sup>49</sup>AzharHarun dan Nawi Abdullah (2004) Metodologi Penyelidikan Ekonomi Dan Sains Sosial: Singapore : Thomson Asia Pte Ltd, h.1-2.

<sup>50</sup>Syed ArabiIdid (1992) Kaedah Penyelidikan Komunikasi & Sains Sosial, C.1 . KL : DBP ,h.1.

<sup>51</sup>MohamadNajib Abdul Ghafar (2001) .PenyelidikanPendidikan . C.3, Skudai : UTM, h.4.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Winardis (1976)<sup>52</sup> metodologi penyelidikan didefinisikan sebagai satu cara atau usaha yang bersifat sistematik dan objektif bertujuan untuk memperoleh, mengumpul data dan menganalisa data yang tepat dan berkesan bagi mendapatkan kepastian tentang sesuatu perkara dan seterusnya memperolehi pengetahuan baru atau mengembangkan sesuatu pengetahuan.

Oleh yang demikian, istilah metodologi penyelidikan boleh difahami dengan mudah sebagai kaedah yang diguna pakai untuk memperoleh fakta yang diperlukan oleh seseorang pengkaji dalam sesuatu disiplin ilmu. Untuk melaksanakan penyelidikan ini, penulis menggunakan beberapa metodologi penyelidikan bagi memastikan data-data yang diperlukan dapat diperolehi dengan sebaiknya.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan sebagai kaedah utamanya. Sidi Ghazalba (1981) telah menjelaskan kaedah tinjauan merupakan satu kajian untuk mengumpul data daripada sejumlah unit atau individu dalam sesuatu masa. Dengan ini data yang diperoleh memberikan satu keputusan yang logik dan pengkaji dapat memperolehi maklumat dan data lebih banyak manakala sampel kajian yang diperoleh akan menunjukkan gambaran keseluruhan populasi.

Metodologi kajian perlu dirancang dan dilaksanakan dengan betul dan teliti. Ia merupakan satu prosedur yang mesti dilakukan untuk mendapat pengiktirafan dan kualiti yang tinggi di dalam penyelidikan yang dijalankan. Sesuatu kajian ilmiah itu

---

<sup>52</sup>Winardis (1976)Pengantar Metodologi Research . Penerbit Alumni , Bandung, hlm , 55.

akan dikira bermutu sekiranya metodologi yang digunakan bertepatan serta bersesuaian dengan objektif dan tujuan yang digariskan (Michael, 1990)<sup>53</sup>.

Menurut Deobold (1993) yang diterjemahkan oleh Abdul Fattah dan Mohd Majid Konting (2002), kaedah deskriptif sesuai digunakan kerana kaedah ini meliputi tinjauan mudah dan untuk mencari kesan perbandingan, taburan dan perhubungan diatur pemboleh ubah sosiologi dan psikologi (Sidi Ghazalba, 1981)<sup>54</sup>.

### 3.3 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Metod penentuan subjek ini digunakan oleh pengkaji bagi membatasi jumlah bilangan responden yang akan dilibatkan dalam sesebuah kajian ( jumlah populasi yang besar dalam sesuatu kajian kebiasaannya mengurangkan pengkaji untuk memperoleh data dan maklumat daripada seluruh subjek yang dikajinya. Bagi memudahkan penyelidik mendapat maklumat yang lebih terperinci daripada sebahagian kecil populasi, kaedah persampelan digunakan. Kajian ini menggunakan sampel rawak lapis<sup>55</sup> juga dikenali sebagai rawak berstrata untuk menambah ketepatan keputusan (Bakar, 1987) (H.McMillan, 1992)<sup>56</sup>.

---

<sup>53</sup> Stephen Issac dan William B. Michael (1990) Handbook in Research dan Evaluation . e. 2 . San Diego : Edits Publishers, h.2.

<sup>54</sup>Sidi Gazalba (1981) Pembimbing Latihan Ilmiah dan Thesis. Pustaka Antara

<sup>55</sup>Pengkaji melakukan pemilihan dengan menggolongkan populasi de dalam golongan-golongan atau strata-strata mengikut kriteria tertentu seperti contoh berdasarkan umur, pendapatan , tahap pendidikan agama dan lain-lain. Lihat Koentjaraningrat (1989),op.cit.h.92. Kenneth D Bailey (1978) ,op cit, h.139-140.

<sup>56</sup>MohdShafie Abu Bakar (1987) Metodologi Penyelidikan , Selangor. Penerbit UKM, h. 70. Lihat juga James H.McMillan (1992). Education Research Fundamentals For the Consumer, New York: Harper Collins Publisher, h. 72.

Pemilihan responden dalam kajian ini, penulis menggunakan metod rawak mudah dalam menentukan subjek kajian. Penulis tidak mungkin dapat mengkaji kesemua total dari subjek yang hendak dikaji. Pemilihan responden bermula dengan keizinan dan senarai sekolah yang diluluskan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan dan setelah mendapat keizinan dari Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pihak jabatan telah memberi enam nama sekolah berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Ampuan Durah Seremban, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampangan Seremban, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar Seremban yang mewakili sekolah bandar. Sementara sekolah luar bandar diwakili oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang Seremban, Sekolah Menengah Kebangsaan Panchor Seremban dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Shahardin Labu. Sementara subjek yang menjadi penelitian penulis ialah pelajar-pelajar Islam tingkatan tiga sahaja.

Tinjauan sampel digunakan kerana maklumat mengenai pemboleh ubah yang hendak dikumpulkan sukar untuk didapati dari seluruh ahli populasi. Kajian ke atas sampel secara rawak dijalankan sebagai mewakili populasi. Menurut Kerlinger (1970) pula, beliau telah menjelaskan tinjauan sampel mengkaji populasi besar atau kecil dengan memilih dan mengkaji sampel yang diambil daripada populasi tersebut.

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa pemilihan sampel adalah berdasarkan nama-nama sekolah yang telah dipersetujui oleh JPNS. Oleh yang

demikian enam buah sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan telah terpilih. Pemilihan sekolah-sekolah ini dilakukan bagi mewakili sekolah bandar dan sekolah luar bandar di daerah Seremban. Seramai 360 responden telah dipilih dari keenam-enam sekolah terbabit. Mereka terdiri daripada 165 pelajar lelaki (45.8%) dan 195 pelajar perempuan (54.2%). Penulis menggunakan metod sampling dalam menjalankan penelitian dan penyelidikan ini bagi tujuan mendapatkan sebahagian maklumat daripada kumpulan yang lebih besar. Sebahagian pelajar-pelajar yang dipilih dalam kajian ini adalah sebagai sampel kajian, manakala pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan kategori bandar dan luar bandar di daerah Seremban merupakan populasi (Syed Arabi Idid, 1992)<sup>57</sup> kajian.

Subjek yang menjadi penelitian penulis ialah pelajar-pelajar tingkatan tiga. Penulis akan cuba melihat dari sudut kesan positif dan negatif terhadap pemahaman akhlak dalam Pendidikan Islam di sekolah, keberkesanannya terhadap pelajar Islam menengah rendah di daerah Seremban.

### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen soal selidik berbentuk satu senarai soalan-soalan yang bertulis. Soalan-soalan yang disediakan oleh penulis merupakan soalan-soalan yang difikirkan merangkumi maklumat-maklumat yang diperlukan. Penulis menyediakan borang soal selidik yang dikemukakan kepada pelajar-pelajar di sekolah yang terbabit dengan kajian ini. Kaedah ini digunakan bagi memperolehi satu keputusan mengenai keberkesanan Pendidikan Akhlak di sekolah yang terlibat. Instrumen kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Pengkaji telah mereka cipta pembinaan instrumen soal

---

<sup>57</sup>Syed Arabi Idid (1992) Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial, C.I K.L :DBP, h.1.

selidik ini berdasarkan buku teks dan buku rujukan Pendidikan Islam Tingkatan 1-Tingkatan 3 yang merupakan buku panduan utama Pengajaran dan Pembelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam di sekolah peringkat Menengah Rendah.

Pemboleh ubah sosiologi bersifat individu seperti jantina , umur, bangsa, agama, status ekonomi, pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan sebagainya. Manakala pemboleh ubah psikologi adalah termasuk pendapat tentang sikap dan tingkah laku seseorang individu. Meminjam maklumat yang tepat tentang ciri-ciri subjek yang berkaitan dengan sesuatu yang terjadi (F Kerlinger, 1973) (P.Van Dalen, 1979) (Konting, 1999)<sup>58</sup>. Pengkaji telah memilih kaedah ini kerana telah bersetuju dengan pendapat Kerlinger (1973) yang menyatakan reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk mencari maklumat dan mengawal pembolehubah (F Kerlinger, 1973)<sup>59</sup>.

Instrumen ini juga telah diubah suai dan soal selidik Norhayati Fatmi (2003) yang mengkaji tentang penghayatan adab terhadap ibu bapa dalam PAFA (Perkara Asas Fardu Ain (Norhayati Fatmi Talib, 2003) .<sup>60</sup> Bagi menentukan kesahan kriteria terhadap instrumen ini pengkaji telah merujuk dan mengadakan perbincangan bersama penyelia dan guru Pendidikan Islam yang mempunyai pengalaman dalam P&P Pendidikan Akhlak. Satu set soal selidik telah dibentuk yang mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian A, B, dan C. Soal selidik ini dibentuk untuk

---

<sup>58</sup>Kerlinger , F. (1973) Foundation of Behaviour Research . New York : Halt Rinehart a Deobold P.Van Dalen (1979) . Understanding Education Reseach : An Introduction . diterjemah oleh Abdul Fattah Abdul Malik dnaMajidKonting (1999) . Memahami Penyelidikan Pendidikan , Universiti Putra Serdang.

<sup>59</sup>Kerlinger, F.N (1973) Foundation of Behaviour Research Education And Psychological Inquiry: London.

<sup>60</sup>NorhayatiFatmi Talib (2003 Penghayatan adab terhadap ibubapa di dalam Perkara Asas Fardu Ain Satu Penilaian di Sekolah Menengah Daerah Hulu Selangor . Kertas Projek Sarjana .Bangi :UKM

mendapatkan maklumat daripada pelajar tentang keberkesanannya pendidikan akhlak dalam Pendidikan Islam di sekolah.

Butiran penjelasan bagi setiap bahagian ini ialah Bahagian A mengandungi tujuh item berkaitan dengan maklumat diri sampel kajian. Bahagian B dan C mengandungi 62 item yang berkaitan dengan pengetahuan Akhlak, sikap dan amalan akhlak dalam Pendidikan Islam. (Lampiran A).

Melalui soal selidik ini, penulis akan memperoleh maklumat tentang latar belakang pelajar, maklumat tentang pengetahuan tentang pendidikan akhlak, sikap mereka terhadap pendidikan akhlak Islamiyah dan amalan akhlak mereka. Selain itu, maklumat lain ialah persepsi pelajar terhadap guru Pendidikan Islam. Maklumat penghayatan akhlak oleh pelajar, maklumat tentang masalah pelajar semasa P&P dan maklumat tentang amalan ataupun budaya hidup pelajar.

Instrumen kajian atau soal selidik ini memberikan lima jawapan berdasarkan Skala Likert lima point dengan skor yang diberikan seperti dalam Jadual 3.1

Jadual 3.1 Skala Likert

Jawapan	Skala
Sangat tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Sederhana Setuju (SS)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Kesemua item yang digunakan dalam soal selidik tersebut adalah item berbentuk negatif dan positif. Manakala pengelasan skor berdasarkan tiga objektif utama kajian ini. Berikut menunjukkan jadual bagi pengelasan skor berdasarkan objektif utama kajian.

- a. Mengukur tahap kefahaman akhlak dalam Pendidikan Islam (Tingkatan 1, 2 dan 3) Menengah Rendah.

Jadual 3.2 Tahap Mata Skor

Tahap Mata Skor	Skor
Rendah	29-67
Sederhana	68-106
Tinggi	107 ke atas

- b. Kesan Sukatan Pelajaran Pendidikan Akhlak keatas Pembinaan akhlak pelajar-pelajar masa kini.

Jadual 3.3 : Pengelasan Skor

Tahap Mata Skor	Skor
Rendah	22-51
Sederhana	52-81
Tinggi	82 ke atas

c. Meneliti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Akhlak

Jadual 3.4 : Pengkelasan Skor

Tahap Mata Skor	Skor
Rendah	4-9
Sederhana	10-14
Tinggi	15-20

**a. Kajian Rintis**

Satu kajian rintis (*pilot test*) telah dijalankan pada bulan September 2006 kepada 20 orang responden sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden. Bagi memastikan bahawa kaedah yang akan dilaksanakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta mampu mengumpul data sebagaimana yang diperlukan, pengkaji telah mengendalikan kajian rintis itu sendiri.

Bagi menguji kesahan instrumen kajian borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C telah diedarkan kepada 20 orang pelajar tingkatan tiga di sebuah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Senawang di Negeri Sembilan. Pengkaji bersama dua orang guru telah mengedarkan borang soal selidik tersebut kepada 20 orang sampel yang dipilih secara rawak daripada pelajar tingkatan tiga. Pengkaji telah memberi penerangan ringkas tentang cara penyelengaraan borang tersebut dengan kebenaran secara lisan daripada pentadbir sekolah serta kerjasama guru tingkatan dan guru mata pelajaran.

Kajian rintis dilakukan ini melihat sama ada pelajar dapat memahami maksud item-item di dalam borang soal selidik dan kesesuaian soal selidik untuk kajian pengkaji. Kajian rintis ini juga bertujuan untuk memperbaiki instrumen kajian dari segi pembentukan item, kesesuaian bahasa dan bagi mendapatkan anggaran masa yang diambil untuk menjawab soal selidik tersebut. Masa yang diambil untuk menjawab soal selidik dalam kajian rintis ini ialah 15 minit. Manakala nilai alpha yang diperolehi daripada kajian rintis yang dijalankan ini ialah 0.938 (Lampiran B) dan nilai ini memadai dan berada dalam lingkungan kebolehpercayaan yang tinggi. Menurut Mohd Majid Konting (1990) nilai pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan (Idris Awang, 2001)<sup>61</sup>

### **b. Keesahan dan Kebolehpercayaan**

Pengkaji mengambil tindakan-tindakan berikut bagi tujuan memelihara kesahan dan kebolehpercayaan data-data yang diperolehi.

- a. Identiti responden dirahsiakan. Responden tidak perlu menulis nama mereka. Mereka juga telah diberikan jaminan bahawa segala maklumat yang mereka berikan adalah rahsia dan hanya digunakan untuk tujuan kajian sahaja. Responden kajian dapat menjawab soalan soal selidik dengan ikhlas tanpa sebarang paksaan. Responden juga diingatkan bahawa soal selidik ini bukanlah suatu ujian dengan sebab itu tiada jawapan yang betul atau pun salah.

---

<sup>61</sup>Idris Awang (2001). Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan : K.L: Akademi Pengajian Islam . UM. Intel Multimedia And Publication,h.62.

- b. Kaedah *survey* dalam kajian ini menggunakan borang soal selidik kajian rintis dijalankan bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik. Hasil ujian rintis ini dianalisis dengan bantuan komputer melalui perisian *Statistical Package For the Social Sciences (SPSS)* versi 12.0 dengan menggunakan teknik statistik deskriptif bagi mendapatkan Cronbach's Alpha. Kebolehpercayaan item soal selidik diperolehi iaitu 0.938. Soal selidik tersebut disemak dan disahkan oleh penyelia kepada penyelidikan ini iaitu Prof. Madya Dr Idris Awang (rujuk Lampiran B)
- c. Penyelidik sendiri telah mentadbirkan borang soal selidik secara langsung dan ini merupakan suatu usaha yang sangat penting bagi mengukuhkan kajian kerana penyelidik boleh mengalami dan berada dalam situasi sebenar responden. Segala masalah yang dihadapi juga dapat diselesaikan pada waktu soal selidik dijalankan.

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini tidak diragui, pengkaji telah mengumpulkan sendiri borang soal selidik dan memastikan semua item dijawab oleh responden seperti yang dikehendaki serta dapat menjamin borang soal selidik daripada keciciran. Setelah maklumat responden yang dikehendaki diperoleh, pengkaji menyimpan maklumat tersebut bagi tujuan menganalisis data. Pengkaji mengambil kesemua responden tersebut yang berjumlah 360 orang sebagai sampel dalam kajian ini.

### **3.5 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA**

Pengumpulan data dan maklumat awal bagi tujuan penyelidikan ini dilakukan oleh penulis dengan beberapa cara iaitu: Penyelidikan Perpustakaan dan Penyelidikan lapangan. Dalam Penyelidikan Perpustakaan, penulis mengunjungi beberapa perpustakaan utama iaitu:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya
3. Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia
4. Perpustakaan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
5. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
6. Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur
7. Perpustakaan Negara
8. Perpustakaan Awam Negeri Sembilan

Pengkaji telah menggunakan metod historis untuk kajian awal ini. Metod Historis ialah satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kajian. Metod ini digunakan dengan tujuan mendapatkan nilai-nilai sejarah kepada subjek kajian atau penyelidikan. Metod ini digunakan oleh penulis dalam Bab I bagi menyatakan lokasi kajian dengan menceritakan sejarah Bandar Seremban dan Pendidikan Islam dalam KBSP di sekolah. Di samping itu, untuk mengukuhkan lagi data awal, pengkaji juga menggunakan metod analisis dokumen. Metod ini ialah satu cara pengumpulan data dengan cara mengkaji dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah yang diselidiki. Kaedah yang digunakan bagi tujuan awal ini adalah untuk membuat penyelidikan terhadap sesuatu perkara yang hendak dikaji.

Dokumen-dokumen yang akan digunakan oleh penulis dalam penyelidikan ini ialah : *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*, buku-buku rujukan, majalah dan surat khabar, jurnal, kertas kerja dan risalah.

Penyelidikan Lapangan pula penulis mengunjungi sekolah-sekolah terbabit bagi mendapatkan maklumat melalui instrumen soal selidik, wawancara, dan mengadakan pemerhatian. Metod wawancara atau observasi merupakan pengumpulan data melalui pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Pengalaman yang dialami oleh penulis secara langsung dalam masalah-masalah yang mempunyai hubungan dengan objek penyelidikan. Penulis menghadiri kelas-kelas Pendidikan Islam khususnya Pendidikan Akhlak yang diadakan di sekolah-sekolah yang terlibat. Dengan cara ini penulis mampu membuat pengamatan dan menghasilkan penilaian sendiri melalui cara pendidik menyampaikan pendidikan dan cara pelajar menerima pendidikan.

### **3.6 PROSEDUR ANALISIS DATA**

Apabila data-data yang diperlukan telah terkumpul melalui metod-metod yang digunakan, maka penulis membuat olahan serta rumusan dan menganalisisnya menggunakan metode analisis data. Penulis akan menggunakan metod-metod seperti metod induktif, deduktif dan komparatif. Metod induktif ialah satu cara penganalisaan data melalui pola berfikir yang mencari bukti dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Metod ini digunakan oleh penulis dalam menghuraikan kesemua bahagian dalam penyelidikan ini.

Metod deduktif ialah pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil-dalil yang umum kepada dalil-dalil yang khusus. Penulis menggunakan metod ini dalam menghuraikan perumusan masalah dalam Bab I dan cara-cara pengajaran yang dilakukan oleh para guru dan pelajaran yang diterima oleh para pelajar dalam Bab IV.

Selain daripada itu dalam bab IV juga penulis menggunakan metod Komparatif . Iaitu satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan kepada data-data yang didapati. Segala data, pendapat dan fakta dikumpulkan dan dibuat perbandingan serta kesimpulan. Paling penting semua fakta akan diimbangkan secara saksama. Dari perbandingan dan pertimbangan tersebut dibuat satu kesimpulan.

Untuk data-data kuantitatif, ia telah dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dilaporkan di bab IV. Analisis hanya menggunakan metod deskritif secara peratusan sahaja dan interpretasi min. Jadual interpretasi min adalah seperti yang dilampirkan.

Jadual 3.5 : Jadual interpretasi skor min (Nunnally, 1994)

Skala Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber : Mohamed Najib Abdul Ghafar<sup>62</sup> & Tay Siok Beng / Journal of Educational Management

---

<sup>62</sup> Mohamed Najib Abdul Ghafar<sup>62</sup> & Tay Siok Beng / Journal of Educational Management

### **3.7 KESIMPULAN**

Dalam penyelidikan ilmiah , metodologi memainkan peranan yang utama dan merupakan teknik terpenting bagi mendapatkan data dan fakta yang bersangkutan secara sistematik dan kolektif bagi menghasilkan sebuah karya yang bersifat ilmiah dan berautoriti. Pengkaji cuba menggunakan metodologi yang tepat dan sesuai bagi menghasilkan penulisan yang berkualiti dan bermutu agar mencapai objektif kajian yang dikehendaki. Bagi memperoleh maklumat dan data yang kuat dalam penulisan disertasi yang dijalankan ini, secara amnya penulis menggunakan metod penentuan subjek, metod pengumpulan data dan metod penganalisisan data.

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Proses P&P dalam sistem Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah rendah, menengah dan pusat pengajian tinggi kini perlu diperkembangkan dan dipertingkat lagi supaya dapat melahirkan pelajar-pelajar yang dapat menguasai ilmu yang bersifat keduniaan dan dapat menerapkan nilai Islam dalam kehidupan seharian. Pendidikan Akhlak adalah penting dalam kehidupan seorang muslim kerana melaluiinya seseorang dapat mengetahui tentang ajaran dan hukum akhlak Islam. Kesedaran mengenai kepentingan Pendidikan Akhlak dalam Pendidikan Islam sahaja tidak memadai sekiranya tidak ada usaha bersungguh-sungguh untuk menghayati dan mengamalkan.

Pendidikan akhlak yang berkesan adalah penting untuk melahirkan kefahaman yang betul tentang akhlak serta dapat mengamalkannya dengan baik. Untuk memahaminya, seseorang itu mesti mempelajari dan memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap apa yang dipelajari. Akhlak seseorang individu boleh berubah sekiranya dididik secara berterusan. Proses pembentukan akhlak Islam dapat dicapai melalui pendidikan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Keberkesaan pendidikan akhlak yang dipelajari secara teori perlu diserahkan melalui amali atau praktikal pelajar. Untuk memastikan keberkesaan pendidikan akhlak tersebut, suatu

pendekatan yang sejati perlu dilaksanakan dengan harapan agar seluruh anggota masyarakat terselamat dari kejahilan akhlak dalam kehidupan sehari-hari.

Akhlik dalam Islam merangkumi semua aspek kehidupan. Akhlak juga menjamin berlakunya suatu perhubungan dan suatu ikatan yang menyeluruh serta saling menyempurnakan antara manusia dengan Allah s.w.t. dan manusia dengan makhluk yang lain di dunia ini. Akhlak dalam Islam adalah untuk menyempurnakan dan membentuk akal dalam pembentukan akhlak yang murni.

Bab ini akan menerangkan dengan terperinci hasil dapatan kajian daripada soal selidik yang telah diperolehi. Dapatan data yang telah dianalisis menggunakan perisian SPSS dibahagikan kepada beberapa bahagian berdasarkan kepada persoalan kajian yang dinyatakan di dalam Bab I.

## **4.2 PENGETAHUAN TENTANG AKHLAK**

Aspek pengetahuan tentang akhlak Islamiyah adalah penting untuk memastikan pelajar mematuhi garis panduan akhlak yang telah ditetapkan oleh syariat Allah s.w.t. Dalam jadual 4.1 menunjukkan bahawa min pengetahuan pelajar terhadap akhlak Islamiyah yang terdapat dalam sukan pelajaran KBSM adalah min 3.52 ini menunjukkan secara keseluruhan pengetahuan mereka tentang akhlak adalah sederhana tinggi. Namun jika dilihat satu persatu dapatan ini menunjukkan bahawa mereka yang gagal min 4.26 adalah lebih tinggi dari mereka yang lulus dengan cemerlang min 3.30 dan sederhana min 3.02.

Jadual 4.1 Pencapaian Pendidikan Islam

Item	Perkara	STS		TS		SS		S		SS		Jum N	Min
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%		
B 4	Saya sentiasa mendapat keputusan yang baik dalam pelajaran Pendidikan Islam ketika peperiksaan (70–100)	17	4.7	46	12.8	167	46.4	72	20.0	58	16.1	360	3.30
B5	Saya sentiasa mendapat keputusan yang rendah dalam pelajaran Pendidikan Islam ketika peperiksaan (40 – 69 )	68	18.9	50	13.9	80	22.2	131	36.4	31	8.6	360	3.02
B6	Saya sentiasa gagal dalam pelajaran Pendidikan Islam ketika peperiksaan ( 0 – 39 )	11	3.1	21	5.8	43	11.9	72	20.0	213	59.2	360	4.26

Proses pengajaran dan pembelajaran dalam sistem Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah rendah, menengah dan pusat pengajian tinggi kini perlu diperkembangkan dan dipertingkat lagi supaya dapat melahirkan pelajar-pelajar yang dapat menguasai ilmu yang bersifat keduniaan dan dapat menerapkan hukum serta nilai Islam yang seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Jadual 4.2 adalah dapatan kajian yang menunjukkan tahap pengetahuan pelajar tentang akhlak Islamiyah. Dalam dapat ini menunjukkan secara umumnya tahap pengetahuan pelajar tentang akhlak adalah tinggi iaitu min4.57 (rujuk jadual 4.5). Dapatkan ini selari dengan dapatan-dapatan pengkaji sebelum ini yang mengkaji tentang akhlak diantaranya kajian Ahmad Munawwar (2010); Sarimah (2012) dan Ab. Halim dan Khadijah (2003). Ia menunjukkan pengetahuan tentang akhlak adalah tinggi. Ini bererti pelajar tahu tentang akhlak dan perkara yang berkaitan dengannya seperti larangan, galakan dan hukum melakukannya.

**Jadual 4.2 Tahap Pengetahuan Akhlak Pelajar**

Item	Perkara	STS		TS		SS		S		SS		Jum N	Min
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%		
B9	Saya diajar tentang akhlak dalam Pendidikan Islam	3	0.8	-	-	2	0.6	68	18.9	287	79.7	360	4.77
C1	Wajib bagi setiap lelaki dan perempuan menutup aurat	1	0.3	-	-	4	1.1	69	19.2	286	79.4	360	4.78
C2	Lelaki dilarang memakai pakaian perempuan dan perempuan dilarang memakai pakaian lelaki	4	1.1	2	6	8	2.2	53	14.7	293	81.4	360	4.75
C3	Orang yang tidak menutup aurat akan diberi balasan neraka	5	1.4	4	1.1	12	3.3	71	19.7	268	74.4	360	4.65
C9	Menuntut ilmu adalah suatu ibadah kepada Allah	3	0.8	-	-	2	0.6	68	18.9	287	79.7	360	4.77
C12	Pendidikan Islam adalah ilmu fardhu ain	2	0.6	4	1.1	21	5.8	146	40.6	187	51.9	360	4.42
C14	Wajib berwuduk sebelum membaca Al-Quran	1	0.3	1	0.3	3	0.8	55	15.3	300	83.3	360	4.81
C18	Manusia yang tidak bersyukur akan mendapat azab di akhirat	2	0.6	1	0.3	5	1.4	101	28.1	251	69.7	360	4.66
C19	Memelihara hak jiran adalah dituntut dalam Islam	1	0.3	3	0.8	21	5.8	156	43.3	179	49.7	360	4.41
C21	Tolong-menolong akan menyatakan masyarakat Islam	1	0.3	-	-	2	0.6	94	26.1	263	73.1	360	4.72
C25	Orang yang berhadas kecil dibenarkan memegang Al-Quran	4	1.1	21	5.8	73	20.3	76	21.1	186	51.7	360	4.16
C26	Orang yang berdoa akan mendapat keberkatan daripada Allah	1	0.3	2	0.6	4	1.1	106	29.4	247	68.6	360	4.66
C28	Adat hanya satu perkara yang menjadi kebiasaan dilakukan dalam kehidupan sehari-hari	5	1.4	8	2.2	67	18.6	200	55.6	80	22.2	360	3.95
C29	Orang yang beribadah akan dapat meningkatkan keimanan kepada Allah	1	0.3	-	-	2	0.6	94	26.1	263	73.1	360	4.72
C31	Orang yang datang ke rumah tidak dijemput juga dipanggil tetamu	14	3.9	14	3.9	38	10.6	143	39.7	151	41.9	360	4.12
C37	Kerja yang ikhlas akan mendapat keberkatan daripada Allah	1	0.3	-	-	2	0.6	79	21.9	278	77.2	360	4.76
C40	Majlis yang baik akan diberkati Allah dan majlis yang tidak baik akan dilaknat Allah	2	0.6	1	0.3	17	4.7	102	28.3	238	66.1	360	4.59
C45	Orang yang tidak taat dan patuh kepada ibu bapa akan mendapat azab di akhirat kelak	12	3.3	5	1.4	6	1.7	70	19.4	267	74.2	360	4.60

Merujuk kepada item-item soalan pula, item yang berkaitan dengan soalan C28 (rujuk jadual 4.3) adalah soalan yang mendapat min terendah iaitu 3.95. Namun ia masih berada ditahap yang tinggi. Soalan ini mengenai pendapat responden tentang adat hanya satu perkara yang menjadi kebiasaan dilakukan dalam kehidupan harian. Penulis mendapati bahawa 80 (22.2%) responden sangat setuju, 200 (55.6%) responden setuju ,67 (18.6%) responden sederhana setuju, 8 (2.2%) responden tidak setuju, 5(1.4%) responden sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas. Ini menjelaskan bahawa responden dapat memahami kedudukan atau hukum adat dalam kehidupan sehari-hari dengan baik iaitu 347 (96.4%). Ini menunjukkan bahawa pelajar agak keliru antara suruhan agama dengan amalan adat kebiasaan.

**Jadual 4.3 Soalan 28 : Adat hanya satu perkara yang menjadi kebiasaan dilakukan dalam kehidupan sehari-hari**

Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Sederhana Setuju		Setuju		Sangat Setuju		Jumlah (N)	Min
Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%		
5	1.4	8	2.2	67	18.6	200	55.6	80	22.2	360	3.95

Sementara min-min item yang lain di bawah konstruk pengetahuan masih tinggi iaitu antara min 4.12 hingga min 4.81. Dan item yang tertinggi ialah min 4.81 berkaitan dengan bacaan al-Quran. Soalan 14 : Wajib berwuduk sebelum membaca al-Quran.

**Jadual 4.4 Item 14: sebelum membaca Al-Quran, wajib berwuduk terlebih dahulu**

Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Sederhana Setuju		Setuju		Sangat Setuju		Jumlah (N)	Min
Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%		
1	0.3	1	0.3	3	0.8	55	15.3	300	83.3	360	4.81

Jadual 4.4 menunjukkan responden yang menyatakan bahawa sebelum membaca Al-Quran, wajib berwuduk terlebih dahulu (rujuk jadual 4.4). Berdasarkan soal selidik yang dijalankan sebagaimana jadual di atas, penulis mendapati seramai 300 (83.3%) responden sangat setuju dengan pernyataan tersebut, 55 (15.3%) responden setuju dan sangat tidak setuju hanya seorang (0.3%) responden sahaja. Ini jelas menunjukkan kefahaman hukum berwuduk antara adab-adab sebelum membaca al-Quran adalah wajib pada tahap yang tinggi 358 (99.4%) responden hanya 2 (0.6%) responden sahaja yang tidak faham tentang hukum tersebut.

#### **4.3 SIKAP PELAJAR TERHADAP AKHLAK**

Menurut Robbin (2007) sikap merangkumi tiga aspek iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Ketiga-tiga aspek ini akan menentukan sikap seseorang dalam menghadapi atau menanggapi sesuatu peristiwa atau perkara. Dalam kajian ini didapati sikap pelajar terhadap akhlak Islamiyah dalam kedudukan min 4.53 iaitu suatu kedudukan yang seerhana tinggi. Justeru boleh ditafsirkan bahawa pelajar bersikap positif terhadap akhlak Islamiyah tetapi agak sukar untuk melaksanakannya. Jadual 4.5 menunjukkan item-item yang menjurus kepada konstruk sikap terhadap akhlak.

Jadual 4.5 Sikap pelajar terhadap akhlak

Item	Perkara	STS		TS		SS		S		SS		Jumlah N	Min
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%		
B 1	Saya berminat terhadap pelajaran Pendidikan Islam	1	0.3	1	0.3	3	0.8	74	20.6	281	78.1	360	4.76
B2	Saya suka guru yang mengajar Pendidikan Islam	3	0.8	4	1.1	4	1.1	75	20.8	274	76.1	360	4.70
B3	Saya suka setiap bahagian dalam pembelajaran Pendidikan Islam	3	0.8	4	1.1	4	1.1	75	20.8	274	76.1	360	4.70
B10	Saya berminat dengan mata pelajaran akhlak dalam Pendidikan Islam	1	0.3	1	0.3	9	2.5	115	31.9	234	65.0	360	4.61
B12	Saya suka dengan cara guru saya mengajar akhlak dalam Pendidikan Islam	3	0.8	3	0.8	17	4.7	177	49.2	160	44.4	360	4.36
C4	Dibenarkan dalam Islam memakai pakaian yang jarang dan sempit	19	5.3	5	1.4	14	3.9	45	12.5	277	76.9	360	4.54
C10	Ilmu fardhu ain wajib dituntut oleh setiap individu muslim	1	0.3	1	0.3	3	0.8	74	20.6	281	78.1	360	4.76
C11	Ilmu fardhu kifayah wajib dituntut oleh sebahagian masyarakat sahaja	75	20.8	96	26.7	81	22.5	45	12.5	63	17.5	360	2.79
C16	Wajib bersyukur kepada Allah	1	0.3	-	-	3	0.8	34	9.4	282	78.3	360	4.88
C17	Bersabarlah apabila mendapat musibah dari	1	0.3	1	0.3	6	1.7	98	27.2	254	70.6	360	4.68

Item	Perkara	STS		TS		SS		S		SS		Jumlah N	Min
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%		
	Allah												
C20	Hendaklah bersikap terbuka menerima pendapat orang lain	1	0.3	-	-	31	8.6	163	45.3	165	45.8	360	4.36
C22	Hendaklah menghormati rakan-rakan yang bukan Islam	3	0.8	3	0.8	17	4.7	177	49.2	160	44.4	360	4.36
C27	Ibadah adalah satu perkara yang wajib dilakukan oleh setiap orang Islam	1	0.3	-	-	6	1.7	83	23.1	270	75.0	360	4.72
C33	Elakkan melakukan sesuatu yang menjatuhkan maruah tetamu	1	0.3	-	-	11	3.1	118	32.8	230	63.9	360	4.60
C36	Kerja yang dilakukan juga adalah suatu ibadah kepada Allah	-	-	-	-	6	1.7	108	30.0	246	68.3	360	4.67
C38	Hadirkan diri ke majlis yang baik dan direhui Allah	1	0.3	1	0.3	9	2.5	115	31.9	234	65.0	360	4.61
C41	Beradab ketika di majlis akan dapat mengeratkan lagi persaudaraan	2	0.6	-	-	10	2.8	148	41.1	200	55.6	360	4.51
C43	Wajib berbakti kepada ibu bapa	1	0.3	1	0.3	5	1.4	50	13.9	303	84.2	360	4.81
C44	Sentiasa taat dan patuh kepada perintah ibu bapa selagi tidak menyalahi agama	3	0.8	4	1.1	4	1.1	75	20.8	274	76.1	360	4.70

Dalam konsruk sikap didapati sikap pelajar dalam menuntut ilmu agak rendah (rujuk jadual 4.6). Ini menggambarkan sikap pelajar terhadap menuntut ilmu fardhu kifayah yang agak mengecewakan. Sedangkan ilmu inilah yang membantu manusia untuk memahami manusia serta membangunkan manusia ke suatu tahap yang lebih baik seperti untuk membangunkan negara ke tahap yang lebih maju.

**Jadual 4.6 Soalan : Ilmu fardhu kifayah wajib dituntut oleh sebahagian masyarakat sahaja.**

Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Sederhana Setuju		Setuju		Sangat Setuju		Jumlah (N)	Min
Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%		
75	20.8	96	26.7	81	22.5	45	12.5	63	17.5	360	2.79

Jumlah dan peratusan responden dalam jadual di atas menunjukkan kenyataan responden tentang ilmu fardhu ain wajib dituntut oleh setiap individu muslim. Hasil soal selidik yang dijalankan seperti jadual di atas, seramai 281 (78.1%) responden sangat setuju dengan kewajipan setiap muslim menuntut ilmu fardhu ain. 74 (20.6%) responden setuju, 3 (0.8%) sederhana setuju, seorang (0.3%) responden tidak setuju dan bakinya seorang (0.3%) responden sangat tidak setuju. Ini menjelaskan bahawa kefahaman responden tentang kewajipan menuntut ilmu fardhu ain kepada setiap individu muslim adalah wajib pada tahap tinggi iaitu 358 (99.4%).

Manakala item yang tertinggi dalam konstruk sikap terhadap akhlak ialah item C16 iaitu sikap bersyukur kepada Allah Taala (rujuk jadual 4.7).

Jadual 4.7 : Wajib bersyukur kepada Allah.

Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Sederhana Setuju		Setuju		Sangat Setuju		Jumlah (N)	Min
Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%		
1	0.3			3	0.8	34	9.4	282	78.3	360	4.88

Peratusan dalam jadual di atas menunjukkan responden yang menyatakan bahawa bersyukur kepada Allah adalah wajib. Dapatan soal selidik yang dijalankan sebagaimana jadual di atas menunjukkan bahawa seramai 322 (89.4%) responden sangat setuju, 34 (9.4%) responden setuju, 3 ( 0.89%) responden tidak setuju bakinya hanya 1(0.3%) responden sahaja yang sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Dari dapatan ini menjelaskan bahawa tahap kefahaman responden terhadap kewajipan bersyukur kepada Allah wajib adalah tinggi iaitu 356 (98.9%) responden faham dan bakinya hanya 4 (1.1%) sahaja responden yang tidak faham.

#### 4.4 AMALAN AKHLAK PELAJAR

Dapatan kajian berkaitan dengan amalan akhlak pelajar menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap amalan akhlak yang sederhana tinggi min 4.19. Ini membuktikan bahawa mereka masih mengamalkan akhlak Islamiyah (rujuk jadual 4.8).

### Jadual 4.8 Amalan akhlak pelajar

Item	Perkara	STS		TS		SS		S		SS		Jumlah N	Min
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%		
B 7	Saya sentiasa mendapat A dalam bacaan Al-Quran	17	4.7	46	12.8	167	46.4	72	20.0	58	16.1	360	3.30
B8	Saya tidak tahu membaca Al-Quran	16	4.4	24	6.7	56	15.6	66	18.3	198	55.0	360	4.13
B11	Saya merasakan masa adalah cukup bagi gurubagama mengajar akhlak dalam Pendidikan Islam	4.76	4.76	4.76	4.76	4.76	4.76	4.76	4.76	4.76	4.76	4.76	4.76
C5	Wajib menghindari perbuatan atau percakapan yang menyakiti hati kawan	36	10.0	15	4.2	13	3.6	95	26.4	201	55.8	360	4.14
C6	Wajib kita beradab antara sesama ahli keluarga	1	0.3	-	-	3	0.8	50	13.9	306	85.0	360	4.83
C7	Wajib menghormati guru sepanjang masa	2	0.6	1	0.3	1	0.3	80	22.2	276	76.7	360	4.74
C8	Redha menerima teguran dan nasihat dari guru	1	0.3			9	2.5	136	37.8	214	59.4	360	4.56
C13	Wajib menggunakan harta sekolah dengan cermat	2	0.6	1	0.3	7	1.9	134	37.2	216	60.0	360	4.56
C15	Bacalah Al-Quran dengan betul dan bertajwid	1	0.3	1	0.3	2	0.6	74	20.6	282	78.3	360	4.76
C23	Sunat membaca doa ketika masuk dan keluar dari masjid	2	0.6			15	4.2	163	45.3	180	50.0	360	4.44
C24	Dibenarkan berbual-bual tentang hal dunia ketika berada dalam masjid	151	41.9	58	16.1	91	25.3	43	11.9	17	4.7	360	2.21
C30	Wajib memberi layanan yang baik kepada tetamu	1	0.3	1	0.3	10	2.8	132	36.7	215	59.7	360	4.70
C32	Sekiranya ada tetamu di rumah kita mestilah memakai pakaian menutup aurat	1	0.3	1	0.3	14	3.9	105	29.2	239	66.4	360	4.61
C34	Lakukanlah pekerjaan dengan amanah dan bertanggungjawab	1	0.3	-	-	1	0.3	108	30.0	250	69.4	360	4.68
C35	Wajib berpakaian kemas , bersih , dan menutup aurat ketika bekerja	1	0.3	-	-	5	1.4	96	26.7	258	71.7	360	4.69
C39	Hadirkanlah diri ke majlis-majlis yang melalaikan dan melekakan	12	3.3	12	3.3	31	8.6	50	13.9	255	70.8	360	4.46
C42	Ketika berada di sebuah majlis hendaklah bercakap dengan penuh keangkuhan supaya kita akan dipandang ramai	7	1.9	14	3.9	19	5.3	45	12.5	275	76.4	360	4.58
C46	Kita wajib taat kepada ibu bapa walaupun perkara yang disuruh itu dilarang oleh agama	175	48.6	65	18.1	63	17.5	25	6.9	32	8.9	360	2.09
C47	Ketika berpidato hendaklah berpakaian kemas dan sopan	1	0.3	1	0.3	10	2.8	137	38.1	211	58.6	360	4.54
C48	Dibenarkan berpidato menyentuh kisah peribadi orang lain	128	35.6	56	15.6	112	31.1	42	11.7	22	6.1	360	2.37

Item	Perkara	STS		TS		SS		S		SS		Jumlah N	Min
		N	%	N	%	N	%	N	%	N	%		
	untuk dijadikan contoh												
C49	Pidato yang baik adalah menyampaikan pidato secara hikmah	2	0.6	5	1.4	12	3.3	131	36.4	209	58.1	360	4.51
C50	Gunakan bahasa yang kesat untuk menunjukkan perasaan marah kepada orang lain ketika berpidato	5	1.4	11	3.1	21	5.8	40	11.1	283	78.6	360	4.63

Sementara item yang paling tinggi dalam konstruk amalan ini ialah item C6 iaitu wajib beradab sesama keluarga min 4.83 (rujuk jadual 4.9). Ini menunjukkan bahawa akhlak pelajar kepada kedua ibu bapa dan keluarga amat baik dan saling hormat menghormati.

Jadual 4.9 : Wajib kita beradab antara sesama ahli keluarga.

Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Sederhana Setuju		Setuju		Sangat Setuju		Jumlah (N)	Min
Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%		
1	0.3			3	0.8	50	13.9	306	85.0	360	4.83

Jadual di atas menunjukkan kefahaman responden tentang kewajipan beradab sesama ahli keluarga. Soal selidik yang dijalankan mendapati 306 orang (85.0%) responden sangat setuju, 50 orang (13.9%) responden setuju, 3 orang (0.8%) sederhana setuju dan bakinya yang sangat tidak setuju hanya seorang sahaja (0.3%) responden. Ini jelas menunjukkan secara keseluruhannya responden mengetahui dan memahami tentang beradab sesama ahli keluarga diwajibkan dalam Islam.

Sebaliknya min yang paling rendah dalam konstruk amalan ialah item C24 iaitu berkenaan beradab di dalam masjid. Soalan ini dalam bentuk negative tetapi telah direkod semula dan min bagi soalan ini ialah 2.21 (rujuk jadual 4.10). Ini

menunjukkan bahawa pelajar masih melakukan perbualan dan perbincangan berkaitan hal dunia walaupun berada di dalam masjid.

Jadual 4.10 : Dibenarkan berbual-bual tentang hal dunia ketika berada dalam masjid.

Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Sederhana Setuju		Setuju		Sangat Setuju		Jumlah (N)	Min
Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%		
151	41.9	58	16.1	91	25.3	43	11.9	17	4.7	360	2.21

Dapatan soal selidik yang dijalankan seperti dalam jadual di atas menunjukkan jumlah dan peratusan responden mengenai hukum berbual-bual tentang hal dunia ketika berada dalam masjid. Penulis mendapati bahawa sebanyak 17 (4.7%) responden sangat setuju tentang kenyataan dibenarkan berbual-bual tentang hal dunia ketika berada di dalam masjid. 43 (11.9%) responden setuju, 91 (25.3%) responden sederhana setuju, 58 (16.1%) responden tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju pula seramai 151 (41.9%) responden. Dari kenyataan ini menjelaskan bahawa kefahaman responden tentang hukum berbual-bual tentang hal dunia ketika berada dalam masjid adalah pada tahap tinggi iaitu 209 (58.1%) responden sahaja yang faham mengenai hukum dan adab di dalam masjid.

#### **4.5 KEBERKESANAN PENDIDIKAN AKHLAK**

Keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah menengah di daerah Seremban dalam kajian ini mendapati min 4.43 (rujuk jadual 4.11). Ini menunjukkan bahawa pendidikan akhlak di sekolah-sekolah yang terlibat adalah amat berkesan di kalangan pelajarnya. Soal selidik yang diedarkan dan mengandungi konstruk pengetahuan,

sikap dan amalan akhlak Islamiyah menunjukkan min yang tinggi pada ketiga-tiga konstruk. Ini menunjukkan keberkesanan pendidikan akhlak meliputi konstruk pengetahuan min 4.57, sikap min 4.53 dan amalan min 4.19.

Jadual 4.11 : Keberkesanan Pendidikan Akhlak

Konstruk	Min
Pengetahuan	4.57
Sikap	4.53
Amalan	4.19

#### 4.6 KESIMPULAN

Kajian keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah menengah di daerah Seremban telah dapat dijalankan dengan sempurna. Dapatan menunjukkan pendidikan akhlak di sekolah-sekolah menengah di daerah Seremban amat berkesan. Namun begitu masih perlu ditambah baik kerana pencapaian pelajar semasa peperiksaan masih ramai yang gagal berbanding peratusan yang cemerlang.

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN DAN PENUTUP**

#### **5.1 PENGENALAN**

Pendidikan akhlak adalah unsur penting dalam Pendidikan Islam. Ia juga perlu di serapkan dalam semua mata pelajaran di sekolah melalui gabung jalin dalam penerapan nilai-nilai murni. Menurut Khalim (2009)<sup>63</sup> pendidikan akhak yang menekankan pendekatan Islam dapat menjadikan pelajar, seorang yang berdisiplin. Justeru dalam bab V ini dibincangkan dapatan kajian secara mendalam, impikasi kajian, cadangan untuk kajian lanjutan dan rumusan keseluruhan kajian.

#### **5.2 RINGKASAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah menengah dari persepsi pelajar. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik yang dihuraikan secara deskriptif. Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah di daerah Seremban. Sebanyak enam buah sekolah telah dipilih oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan untuk tujuan kajian ini. Tiga mewakili bandar dan tiga lagi mewakili luar bandar. Setiap sekolah telah diedarkan sebanyak 60 set instrumen soal selidik secara rawak kepada pelajar tingkatan 3 di sekolah tersebut. Kesemua soal selidik itu telah

---

<sup>63</sup> Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan (2009) Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah : Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2) 2009, 1-14.

diedarkan dan dijawab serta dikumpul semula pada hari yang sama. Setelah itu dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk statistik deskriptif dan min.

### **5.3 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Secara umumnya dapatan kajian keberkesanannya pendidikan akhlak dalam pendidikan Islam ini mendapati pendidikan akhlak dalam Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di daerah Seremban adalah baik. Ini merujuk kepada min yang diperolehi adalah tinggi iaitu min 4.43. Justeru inti pati Pendidikan Islam iaitu iaitu ketinggian akhlak seperti mana yang dinyatakan oleh Nadzmi Akbar 2006<sup>64</sup>, katanya Pendidikan Islam inti patinya ialah usaha untuk mencari ketinggian spiritual, moral, sosial, dan intelek dari dapatan kajian ini seperti bertentangan dengan fenomena keruntuhan akhlak yang sedang berlaku. Justeru pengajaran akhlak adalah berkesan di sekolah-sekolah sementara penyebab fenomena keruntuhan akhlak yang menjadi isu dalam kajian ini adalah disebabkan oleh sesuatu yang lain yang perlu dikaji semula.

Namun begitu jika dihalusi, dapatan kajian yang berkaitan dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan menunjukkan bahawa peratusan pelajar yang gagal lebih ramai daripada yang berjaya. Ini menunjukkan bahawa proses pendidikan akhlak atau Pendidikan Islam itu sendiri mempunyai kelemahan yang perlu dibaiki semula agar pencapaiannya menjadi lebih baik. Ini selaras dengan anjuran beberapa

---

<sup>64</sup> Nadzi Akbar. 2006. *Jurnal Alhadarah*, Vol5, No 8 Jdti-Disember. Hal 85 -104

pengkaji dan tokoh pendidikan seperti Zakaria (2012)<sup>65</sup> yang menyatakan bahawa pendidikan Islam perlu mengkaji semula sistem penyampaiannya. Justeru kajian lanjutan perlu dilakukan untuk memastikan aspirasi negara untuk maju dan mempunyai warga yang berminda kelas dunia. Menurut Karami Buseri (2003)<sup>66</sup> dalam Islam yang disebut kemajuan itu adalah mencakupi kemajuan fizikal, material dan kemajuan mental spiritual yang kedua-duanya ditujukan untuk mencapai kebahagian dunia dan akhirat.

Secara umumnya min amalan akhlak Islamiyah yang diperolehi dalam kajian ini adalah min yang terendah. Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar yang tahu tentang akhlak dan mengakui hukum yang berkaitan dengan akhlak tetapi tidak mengamalkan akhlak dengan baik. Sedangkan di dalam Islam perlaksanaanya adalah syumul atau menyeluruh. Sedangkan dapatan kajian mendapati amalan akhlak adalah rendah. Ini menunjukkan bahawa Islam tidak dilaksanakan secara syumul. Sebagai contoh taat dalam beribadat kepada Allah seperti sembahyang akan menjadikan seseorang itu selamat dari kemungkar. Ini selaras dengan kajian oleh Roziah binti Hamid (2000), berkenaan Amalan dan Penghayatan Islam dalam Pendidikan Islam KBSM dalam kalangan pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Dol Said, Alor Gajah, Melaka, secara teorinya pelajar memahami kewajipan solat lima waktu tetapi tidak melaksanakannya secara praktikal.

Oleh sebab itu, kemungkar masih berlaku walaupun pengajaran akhlak itu berkesan dan diterima oleh pelajar. Perlaksanaan solat sebagai pendinding kepada

---

<sup>65</sup> **Zakaria Stapa (2012)** Pendekatan Tasawuf Dan Tarikat : Wadah Pemerksaan Jati Diri Ummah. Syarahan Perdana UKM .

<sup>66</sup> Kamrani Buseri. 2003. *Antologi Pendidikan Islam dan Dakwah*. UII Press : Beirut.

diri umat Islam dari melakukan perkara yang mungkar perlu dilihat kembali dan dinilai semula perlaksanaannya, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al ‘Angkabut ayat 45

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيَّكَ مِنْ الْكِتَبِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ  
٤٥

Bermaksud ;

Bacalah serta ikutlah wahai Muhammad akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran dan dirikanlah sembahyang. Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar faedahnya dan kesannya dan ingatlah Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan<sup>67</sup>.

## 5.4 IMPLIKASI KAJIAN

Saranan yang akan dikemukakan oleh penulis ini akan diklasifikasikan kepada tiga pihak. Tiga pihak tersebut ialah Ibu bapa, Guru-guru Pendidikan Islam dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

### 5.4.1 Ibu bapa

- a. Sebagai ibu bapa, mereka yang mencorakkan kehidupan anak mereka sama ada menjadi Islam, Yahudi atau Nasrani. Tidak dapat dinafikan lagi ibu bapalah yang menentukan masa hadapan anak-anak mereka agar bahagia di dunia dan di akhirat. Berpegang kepada konsep ini ibu bapa seharusnya menitik beratkan Pendidikan Akhlak kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi. Pendidikan Akhlak pada awalnya berlaku di rumah. Ibu bapa mesti

---

<sup>67</sup> Al Quran Al Angkabut 29:45

memastikan anak-anak mereka telah mengetahui serba sedikit tentang asas-asas agama sebelum mereka melangkah ke tahun satu.

- b. Ibu bapa juga tidak harus terlalu ghairah menonjolkan kepada anak-anak ilmu yang bersifat *fardu* kifayah terlebih dahulu. Wajiblah di tanamkan dalam diri anak-anak terlebih dahulu ilmu agama iaitu ilmu yang bersifat *fardu* ain iaitu ilmu akhlak contohnya yang bukan sahaja memberi kebahagiaan kepada anak-anak di dunia tetapi juga di akhirat.
- c. Sentiasa memastikan anak-anak belajar mengaji Al-Quran di rumah atau di tempat-tempat mengaji yang lain. Ibu bapa tidak seharusnya hanya bergantung kepada guru-guru Pendidikan Islam di sekolah kerana guru-guru ini mempunyai anak murid yang ramai dan tidak dapat menumpukan perhatian kepada seseorang individu sahaja. Pembacaan dan seterusnya menghayatinya akan membentuk peribadi dan akhlak yang sempurna bagi seseorang individu.
- d. Ibu bapa mestilah sentiasa mengenal pasti masalah anak-anak dalam menghadapi pelajaran. Sebagai ibu bapa, mesti tahu kelemahan anak-anak sama ada kelemahan dalam mengingat, kelemahan dalam hafalan dan sebagainya. Setelah mengetahui kelemahan anak-anak maka mestilah bertindak dengan segera agar tidak terus ketinggalan.
- e. Hendaklah memastikan pemakanan yang diambil oleh anak-anak makanan yang berzat, berkhasiat dan yang paling penting halal. Faktor pemakanan

merupakan faktor penting kerana setiap pemakanan yang diambil akan menjadi darah daging dalam badan. Sekiranya makanan yang diambil tidak baik maka ini akan memberi tindakbalas yang tidak baik dalam pembelajaran. Para pelajar akan mudah lupa, susah mengingat dan buta hati dalam membezakan antara yang baik dan buruk. Seterusnya ini akan melahirkan pelajar yang tidak berakh�ak dan seterusnya menjadi masyarakat yang tidak bermoral.

- f. Sentiasa merujuk kepada pihak sekolah tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pihak sekolah khususnya aktiviti keagamaan. Ibu bapa mestilah sentiasa memberi galakan kepada anak-anak untuk sentiasa menghadiri aktiviti-aktiviti yang mendatangkan banyak manfaat sama ada di dunia atau di akhirat. Lebih baik lagi sekiranya ibu bapa turut serta dalam aktiviti-aktiviti tersebut atau sekurang-sekurangnya menghulurkan sokongan moral atau sokongan wang ringgit kepada pihak sekolah untuk menunjukkan kepada anak-anak mereka bahawa aktiviti yang dilakukan merupakan satu kebaikan bukan perkara yang membosankan.
- g. Sentiasa memberi penerangan-penerangan yang tertentu kepada anak-anak agar mereka tahu kebaikan di sebalik sesuatu perintah Allah. Guru-guru mengajar di sekolah dan ibu bapa memberi sokongan di rumah. Dengan cara ini penulis pasti pembelajaran Pendidikan Akhlak akan lebih berkesan amalan dan penghayatnya.

h. Mengambil tahu tentang segala aktiviti anak-anak mereka samada di sekolah atau di luar persekolahan. Dengan didikan cara ini ibu bapa akan dapat mengelakkan anak-anak mereka daripada terjerumus ke lembah kehinaan dan terjebak kepada perkara-perkara negatif atau perkara-perkara tidak baik.

#### **5.4.2 Guru-guru Pendidikan Islam**

Guru-guru bukan sahaja menjadi pengajar tetapi mestilah menjadi pendidik kepada para pelajar. Guru-guru yang mendidik akan mengambil berat terhadap setiap masalah pelajar. Setelah mengenal pasti maka seharusnya guru-guru membuat tindakan yang sewajarnya bagi menyelamatkan keadaan. Guru-guru yang prihatin ini akan disayangi dan dihargai. Oleh yang demikian mudahlah guru-guru ini menarik minat pelajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran.

1. Guru-guru Pendidikan Islam khususnya mestilah mengajar dengan penuh ikhlas semata-semata kerana Allah s.w.t. sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam. Keikhlasan mengajar tanpa mengira pangkat, pujian atau wang ringgit akan menjadikan para pelajar mudah menerima pembelajaran.
2. Guru-guru Pendidikan Islam mestilah sentiasa berkomunikasi dengan ibu bapa pelajar untuk mengetahui perkembangan anak-anak. Seharusnya guru-guru Pendidikan Islam diberi kelayakan seperti guru disiplin memandangkan setiap permasalahan dapat diadaptasikan kepada pembelajaran Pendidikan Islam. Setiap masalah yang dilakukan pelajar,

guru Pendidikan Islam boleh bertindak agar dapat diubah kepada yang lebih baik selaras dengan ajaran Islam.

3. Para guru mestilah mempunyai sikap tidak berkira antara satu sama lain. Tanggungjawab menerapkan pendidikan Islam kepada para pelajar hendaklah diterapkan bersama-sama tanpa ada sifat mazmumah seperti perasaan dengki, busuk hati, pilih kasih dan sebagainya. Guru-guru mestilah sanggup dan rela menggunakan masa yang terluang bersama para pelajar untuk mendekati diri dan perasaan pelajar.
4. Setiap guru mestilah mempunyai kreativiti yang tinggi dan sistem pembelajaran yang tersendiri kepada para pelajar. Guru yang berinovatif sahaja akan menjadikan pembelajaran itu satu keseronokan dan mengembirakan bukan yang membosankan.
5. Guru-guru Pendidikan Islam juga mestilah mengaitkan isu-isu semasa agar para pelajar mengetahui keadaan semasa yang berlaku. Setiap topik yang diajar sebaiknya didedahkan kepada gejala-gejala buruk akibat tidak berakh�ak. Oleh yang demikian, dapat membimbing pelajar ke arah yang baik dan di *redai Allah*.
6. Guru-guru juga mesti mengambil tahu keadaan para pelajar di rumah. Hayati kehidupan para pelajar yang bermasalah di rumah. Dengan cara ini para pelajar akan merasakan diri mereka disayangi dan mereka tidak mudah terjebak kepada gejala negatif. Cara ini juga adalah cara

pembentukan akhlak yang berkesan dan jarang-jarang diadaptasikan dalam sekolah, memandangkan bilangan pelajar yang ramai.

7. Guru-guru Pendidikan Islam sewajarnya mempunyai hubungan yang erat sesama mereka. Dengan cara ini, mereka boleh berbincang antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi serta dapat bekerja dalam satu pasukan.

#### **5.4.3 Sekolah**

1. Menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu untuk pembelajaran Pendidikan Islam. Kemudahan-kemudahan itu mestilah lengkap bagi memudahkan guru-guru melaksanakan pembelajaran kepada para pelajar.
2. Sentiasa berkomunikasi dengan guru-guru Pendidikan Islam bagi menyelesaikan masalah pelajar yang bermasalah.
3. Sentiasa mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Islam serta membuat penambahbaikan. Dengan cara ini pembelajaran Pendidikan Akhlak dapat dilaksanakan dengan lebih menarik dan berkesan kepada pelajar.

- Memberi ruang dan waktu yang tertentu untuk pelajar-pelajar memperoleh ilmu akhlak yang di luar sukatan seperti contoh memanggil penceramah jemputan agar penerapan akhlak ini lebih berkesan lagi.

#### **5.4.4 Kementerian Pelajaran Malaysia**

- Sentiasa memperkenalkan teknik-teknik mengajar yang baru kepada Guru-guru Pendidikan Islam. Agar mereka mempunyai keupayaan yang tinggi untuk mengajar Pendidikan Akhlak yang mampu untuk membentuk peribadi dan personaliti yang mulia sejajar dengan pembentukan modal insan.
- Mengadakan atau menganjurkan kursus-kursus tertentu secara berperingkat-peringkat dan berterusan. Hendaklah menitikberatkan pembelajaran Pendidikan Akhlak khususnya dan Pendidikan Islam umumnya berbanding pelajaran-pelajaran lain kerana pelajaran Pendidikan Islam inilah yang akan menentukan bentuk masyarakat akan datang.
- Menambah masa pelajaran Pendidikan Islam berbanding masa 240 minit seminggu. Masa yang terlalu sedikit menyebabkan guru-guru mengejar waktu untuk menghabiskan sukatan pelajaran sedangkan penghayatan Islam tidak ada. Ini wajar memandangkan dalam pelajaran Pendidikan Islam sendiri ada enam bab utama yang perlu diajar dan keseluruhan bab itu perlu diberi penekanan.

4. Sentiasa membuat lawatan ke sekolah-sekolah dan memastikan perlaksanaan pengajaran Pendidikan Akhlak dan Pendidikan Islam dilaksanakan sebagaimana yang dirancangkan. Ini perlu bagi mengelakkan sukatan Pelajaran Pendidikan Akhlak terabai begitu sahaja dari semasa ke semasa.
5. Sentiasa membuat semakan sukatan pelajaran mengikut keadaan semasa agar guru-guru dapat mengadaptasikan perkara yang berlaku hari ini dengan pelajaran Pendidikan Islam. Dengan cara ini, para pelajar dapat mengetahui dengan jelas perkara yang sepatutnya dilakukan dan perkara yang sebaliknya khususnya pendidikan akhlak.
6. Sentiasa mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pendidikan peringkat negeri dan mengenal pasti sekolah-sekolah yang menghadapi masalah tentang guru-guru Pendidikan Islam yang tidak aktif. Guru-guru ini harus dikenal pasti dan diberi pendedahan-pendedahan tertentu tentang pentingnya kredibiliti dan kesungguhan mereka dalam pengajaran Pendidikan Islam.

## **5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Penyelidikan secara amnya dapat dirumuskan sebagai satu tatacara teratur yang hasilnya membolehkan penambahan ilmu pengetahuan. Penyelidikan dilakukan mengikut langkah-langkah tertentu, khususnya bagi mendapatkan ilmu maklumat serta menjawab persoalan yang dibangkitkan. Justeru kajian lanjutan yang dicadangkan adalah untuk melakukan kajian secara kualitatif untuk melihat permasalahan yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran akhlak di

sekolah. Kajian ini adalah untuk memastikan penghayatan akhlak benar-benar berlaku dalam kalangan pelajar.

Kajian lanjutan juga boleh dilakukan secara kualitatif yang menekankan tentang penghayatan iman dan akhlak. Menurut al Qaradawi (1998)<sup>68</sup> apabila seseorang (pelajar) itu mempunyai kekuatan iman dalam diri mereka, hidup dan amalannya berada dalam batas-batas yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. Mereka akan menjauhkan diri dari perbuatan yang dilarang oleh Allah s.w.t. dan tidak hanyut dalam dosa dan maksiat yang boleh menghancurkan moral dan budi pekerti manusia.

Cadangan kajian selanjutnya ialah berkaitan dengan kajian pengaruh-pengaruh lain selain dari kelemahan aspek pendidikan dalam mempengaruhi akhlak pelajar. Ini kerana kajian yang berkaitan yang pernah dijalankan seperti kajian oleh Ab. Halim dan Zarin (2004)<sup>69</sup> ; Abdullah & Mawaddah (2010)<sup>70</sup> yang mengkaji tentang pengaruh media kepada pelajar menunjukkan ia amat mempengaruhi tingkah laku pelajar. Justeru kajian seperti ini perlu dipergiatkan untuk membantu mengurangkan fenomena keruntuhan akhlak di kalangan remaja khususnya dan di kalangan masyarakat amnya.

---

<sup>68</sup> Al Qaradawi, Yusuf. (1998) *Min Fiqh al Dawlah fi al-Islam*. Terjemahan Juanda Hj. Jaya. Selangor : Maktabah al-Qaradawi.

<sup>69</sup> Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail (2004) Pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak remaja: kajian ke atas fakir miskin di kawasan luar Bandar. [Repo.uum.edu.my/1821/1/15.pdf](http://Repo.uum.edu.my/1821/1/15.pdf)

<sup>70</sup> Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah (2010). Pengaruh Media Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar. [Eprints.utm.my/](http://Eprints.utm.my/)

## **5.6 RUMUSAN**

Pendidikan perlu bagi membentuk tingkah laku yang baik, akal fikiran yang matang bagi melahirkan insan kamil. Pendidikan akhlak mempunyai pengertian tertentu. Dasar Pendidikan Akhlak adalah bersumberkan *al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *Ijma'*, *Qiyas* dan *Ijtihad*. Tujuan Pendidikan Akhlak adalah untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan dilengkapi dengan nilai-nilai keagamaan dan budi pekerti yang tinggi. Ini kerana rangkuman unsur-unsur ini mampu melahirkan masyarakat yang bersatu padu, bersopan-santun dan hormat menghormati antara satu sama lain. Pelajaran Pendidikan Akhlak bukan hanya dapat diperoleh daripada kelas semata-mata malah boleh dipelajari tanpa mengira tempat, waktu dan ketika.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karim

### BAHASA MELAYU

Abdullah Fahim *et al.* (1989), *Rumahku Syurgaku*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM.

Abdul Halim El-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.

Adnan Yusopp (2003), "Dasar Pendidikan Islam Negara: Pelaksanaan Dan Keberkesanan Sistem Pendidikan Di Sekolah-Sekolah Kerajaan", dalam Suzalie Mohamad, *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.

Ahmad Mahdzan Ayob (1992), *Kaedah penyelidikan Sosio Ekonomi*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Akademi Pengajian Islam (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*. Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Al Qaradawi, Yusuf. (1998) *Min Fiqh al Dawlah fi al-Islam*. Terjemahan Juanda Hj. Jaya. Selangor : Maktabah al-Qaradawi.

Amran Kasimin (1992), *Bagaimana Mencegah Kejahatan Melalui Sembahyang*. Kuala Lumpur: DINIE Publishers.

\_\_\_\_\_ (1993), *Masalah Sosial Dan Hubungannya Dengan Didikan Agama*. Kuala Lumpur: DINIE Publishers.

Azman Wan Chik (1987), *Kaedah Hayati Amali: Satu Pendekatan Mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.

Bailey, Kenneth D. (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ghazali Darussalam (2001), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Ghazali, Imam al- (1996), *Kemanisan Beribadah*. Kasmuri Selamat (terj.). Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Haddad, Imam Habib 'Abd Allah (1981), *Nasihat Agama dan Wasiat Iman*. Syed Ahmad Semait (terj.). Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

- Hamka (1987), *Tafsir al-Azhar*, 21 j. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- \_\_\_\_\_ (1988), *Tafsir al-Azhar*, 30 j. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- \_\_\_\_\_ (1990), *Tafsir al-Azhar*, 9 j. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Haron Din *et al.* (1988), *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah.
- \_\_\_\_\_ *et al.* (2002), *Manusia dan Islam*, 1 j. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hassan Langgulung (1986), *Manusia Dan Pendidikan: Suatu Analisa Psikologi Dan Pendidikan*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- \_\_\_\_\_ (1991), *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad Bajunid (2003), “Pelaksanaan Dan Keberkesanan Pendidikan Islam Di Sekolah Kebangsaan”, dalam Suzalie Mohammad, *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam dan Intel Multimedia and Publications.
- Idris Zakaria (1991), “Penghayatan Nilai-Nilai Islam Dalam Kehidupan”, dalam Ismail Abdul Rahman *et al.* (ed.), *Islam: Cabaran Dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan pustaka.
- Ismail Ibrahim (1996), “Ibadat Dan Kekuatan Rohani”, dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (ed.), *Membangun Fitrah Kehidupan*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Kamarudin Ngah *et al.* (1990), *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamrani Buseri. 2003. *Antologi Pendidikan Islam dan Dakwah*. UII Press : Beirut
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Panduan Amali Pendidikan Islam Sekolah Menengah*.
- Lembaga Bandaran Petaling Jaya: 10 Tahun 1964 - 1974 (Buku Cenderamata Sempena Perayaan Ulangtahun Ke 10 Bandaran Dan Hari Kebangsaan).
- Mohd Kamal Hassan (1988), *Pendidikan Dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahsa Dan Pustaka.

Mohd Shaffie Abu Bakar (1995), *Metodologi Penyelidikan*, 2 Ed. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

MPPJ Dan Laporan Kegiatan MPPJ: Menuju Kecemerlangan Organisasi (1993).

Mubarak, Shaykh al- (t.t), *Sistem Islam: Akidah Dan Ibadah*. Ismail Mohd Hassan (terj.). Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.

Mustafa Hj Daud (1995), *Konsep Ibadat Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Nik Mustapha Nik Hassan (1994), “Islam Dan Ibadat Puasa”, dalam Nik Mustapha Nik Hassan *et.al* (ed.), *Islam Dan Kemajuan Masyarakat*. Kuala Lumpur: IKIM.

Qattan, al-Shaykh Ahmad al- (t.t), *Tugas Ibu Bapa – Guru Terhadap Anak-Anak Menurut al-Quran Dan al-Sunnah*. Ahmad Najib Abdullah al-Qari (terj.). Kota Bharu: Penerbitan ASA.

Saedah Siraj (2003), *Pendidikan Anak-Anak*. Sungai Buloh: Alam Pintar Enterprise.  
Shaltut, Mahmud (1988), *Islam, Akidah Dan Shariah*. (terj.). Siri 1. Kuala Lumpur: Pustaka al-Ameen.

Shaykh Abdullah Basmeih (1980), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (30 juz)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah: Teori Dan Praktis*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

T.M. Hasbi Ash Siddieqy (1996), *Pedoman Solat*. Selangor: Thinker’s Library.

Udah Mohsin (1986), *Kesan Ibadah Dalam Pembentukan Akhlak Seorang Muslim*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah.

‘Ulwan, ‘Abd Allah Nasih (1989), *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Syed Ahmad Semait (terj.), 1 j, 4 c. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zainal Abidin Abdul Kadir (1993), “Reformasi Pendidikan Islam Di Sekolah: Matlamat Dan Harapan” dalam Ismail Abdul Rahman *et al.* (ed.), *Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia: Cabaran Dan Harapan*. Kuala Terengganu: KUSZA.

---

(1994), “Ke Arah Amalan Dan Penghayatan Nilai Islam: Satu Pendekatan Bersepadu”, dalam Abd Halim El-Muhammady (ed.). Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah.

## BAHASA ARAB

Bukhari, Abi ‘Abd Allah Muhammad b. Isma‘il al- (t.t), *Sahih al-Bukhari*, 8 j. Beirut: Dar al-Thaqafiyah.

Hajjaj, Abi al- Husayn Muslim b. al- (1978), *Sahih Muslim*, 1 j. Beirut: Dar al-Fikr.

\_\_\_\_\_, (t.t), *al-Jami’ al-Sahih*, 1 j. Beirut: Dar al-Fikr.

Kathir, Abi al-Fida’ Isma‘il b. (1983), *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, 2 j. Beirut: Dar al-Mufid.

Nawawi, Abi Zakariyya Muhy al-Din b. Sharaf al- (t.t), *Majmu’ Sharh al-Muhazzab*. Mesir: Matba‘ah al-Imam.

Qardawi, Yusuf al- (1995), *al-‘Ibadah fi al-Islam*. c. 24. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Qudamah, Ahmad b. Muhammad b. (1981), *al-Mughni*, 3 j. Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadithah.

Qutub, Sayyid (1982), *Fi Zilal al-Qur'an*, 5 j. juz. 19-20. Beirut: Dar al-Shuruq.

Shawkani, Muhammad b. ‘Ali b. Muhammad al- (t.t), *Nail al-Awtar*, 1 j. Mesir: Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi.

Sulayman, Abi Dawud (1988), *Sunan Abi Dawud*, 2 j. Beirut: Dar al-Jayl.

Tirmidhi, Abi ‘Isa Muhammad b. ‘Isa al- (1975), *Sunan al-Tirmidhi*, 5 j, c. 2. Mesir: Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.

\_\_\_\_\_, (1978), *Sunan al-Tirmidhi wahuwa al-Jami’ al-Sahih*, 1 j. Beirut: Dar al-Fikr.

Zuhayli, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, 1 j, c. 3. Damshiq: Dar al-Fikr.

## **BAHASA INGGERIS**

Van Dalen, Deobold B. (1962), *Understanding Educational Research: An Introduction*. New York: Mc Graw-Hill Book Company, Inc.

Abdul Rashid Moten (1998), *A Guide To Research Proposal And Report Writing*. Selangor: Research Centre International Islamic University Malaysia.

## **DISERTASI, PROSIDING, KOLEKSI SEMINAR**

Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah (2010). Pengaruh Media Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar. eprints.utm.my/

Ab. Halim Tamuri *et al.* (2005), “Penghayatan Ibadah harian Dan Kecerdasan Emosi Dalam Pembangunan Diri Remaja Muslim”, dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4)*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail (2004) Pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak remaja: kajian ke atas fakir miskin di kawasan luar Bandar

Abdul Razak Shahbudin (2003), “Pengurusan Infranstruktur Bandar: Satu Kajian Perbandingan Mengenai Sistem Pengurusan Letak Kereta Di Kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) Dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)” Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Malaya.

Ahmad Latukau (2003), “Kehidupan Beragama Di Kalangan Pendatang Indonesia: Suatu Kajian Khusus Di Ampang Jaya, Selangor Darul Ehsan” Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Ahmad Sabri Osman (2002), “Sistem Pendidikan Islam: Suatu Kajian Tentang Keberkesanan Penghayatannya Di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Kampus Arau, Perlis” Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Azizah Zakaria (2004), “Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Dalam Falsafah Etika al-Ghazali: Kajian Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam” Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

